Jemaah syukur dapat solat rapat saf 2

Pengguna puji parkir digital, urusan mudah 6

Sungai Klang makin bersih, sampah kurang 5

Jualan murah catat hasil lebih RM600,000 7

selangorkini

PERCUMA PP 19570/07/2020 (035196) EDISI 7 - 13 APRIL 2022 www.selangorkini.my

Imarahkan masjid sebulan Ramadan

DYMM Sultan Selangor titahkan umat Islam kumpul sebanyak mungkin pahala dengan beribadat dan mengelak perbuatan tercela untuk menjadi muslim yang cemerlang dunia dan akhirat

MUKA 2

1,000 pek makanan diagih tiap sehari

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI membuat agihan di lokasi terpilih termasuk untuk anak yatim selain edar bubur lambuk dan kurma

MUKA 3

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyerahkan cek cura sumbangan Pejabat Menteri Besar bernilai RM20,000 untuk menampung sebahagian kos membina Masjid Baiturrahman Alam Sari di Hulu Langat pada 26 Mac 2022. Foto FIKRI YUSOF

1 Hari 1 Juzuk semarak Ramadan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menganjurkan program 1 Hari 1 Juzuk mulai 3 April sempena sambutan Ramadan, kata EXCO hal ehwal agama Islam.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni menjelaskan program anjuran bersama Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (Pitas) diadakan selama sejam bermula jam 6 petang.

Beliau berkata acara yang disiarkan secara langsung di Facebook beliau dan Pitas diketuai para huffaz dan qari dengan sasaran untuk melengkapkan 30 juzuk sepanjang bulan puasa.

"Platform ini sebagai usaha menyemarakkan bacaan al-Quran hanya dalam tempoh 60 minit sehari. Insya-Allah dalam 30 hari kita dapat khatam.

"Program ini salah satu usaha kecil untuk mengajak masyarakat dalam situasi endemik untuk melakukan perkara bermanfaat dan berfaedah selain mendapat ilmu dari huffaz yang ada di negeri ini," katanya.

Zakat, sedekah secara digital

SHAH ALAM - Umat Islam yang mahu menunaikan zakat atau bersedekah sepanjang Ramadan digalak melakukannya menerusi dalam talian, kata pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais).

Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menjelaskan kaedah digital boleh dilaksanakan menerusi laman web www.mais.gov.my atau agensi berkaitan.

Katanya, kewajipan berzakat sama ada harta atau fitrah boleh dibuat menerusi Lembaga Zakat Selangor, sedekah (Mais), wakaf (Perbadanan Wakaf Selangor) dan sedekah anak yatim (Yayasan Islam Darul Ehsan).

"Rebutlah peluang ini dan elak melaksanakannya pada saat akhir terutama dalam menunaikan kewajipan berzakat," katanya pada 1 April.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Kumpul pahala, amal kebaikan

Sultan seru imarah masjid, surau

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor mengajak umat Islam kembali mengimarahkan masjid dan surau termasuk menunaikan solat tarawih sepanjang bulan puasa.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah ibadah harus dibuat bagi menjadi khalifah Allah yang beriman, apatah lagi kelonggaran tatacara operasi piawai (SOP) diberi manakala saf solat kembali dirapat seperti biasa.

Baginda juga bertitah Ramadan peluang terbaik untuk mengumpul sebanyak mungkin pahala dan melakukan amal kebaikan untuk menjadi muslim yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

"Namun, Baginda mahu umat Islam terus berwaspada dan tidak lalai dalam menjaga SOP yang masih berkuat kuasa, demi mengelak jangkitan wabak Covid-19 daripada terus merebak," menurut kenyataan Selangor Royal Office di Facebook pada 2 April.

Baginda bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Amir Shah turut menzahir ucapan selamat berpuasa kepada umat Islam.

Sultan Selangor juga mengingatkan semua umat Islam supaya menjadikan Ramadan sebagai medan untuk menginsafi dan bermuhasabah sekali gus menjauhi perbuatan tercela seperti mengadu domba dan menyebar fitnah.

Pada tahun ini, Lembaga Zakat Selangor mengagih RM28.6 juta kepada asnaf manakala Menteri Besar Selangor (Pemberbadanan) atau MBI menyediakan peruntukan RM3 juta untuk pelbagai program termasuk sumbangan kepada masjid dan surau.

Jemaah teruja tunai solat rapat saf

SHAH ALAM - Kerinduan jemaah untuk menunaikan solat Jumaat tanpa penjarakan fizikal di masjid dan surau terubat apabila kelonggaran diberi mulai 1 April.

Tinjauan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini mendapati kebanyakan mereka teruja atas kelonggaran selaras peralihan ke fasa endemik.

Razalee Ahmad, 49, mengakui beliau menanti kelonggaran itu kerana merindui suasana solat Jumaat dengan saf rapat selepas dua tahun tidak dapat melakukannya.

"Peluang ini memang sangat dinantikan, apatah lagi sebelum ini pernah beberapa kali saya terlepas solat Jumaat disebabkan kuota di masjid penuh," katanya.

Amirul Faris Mohd Salam, 28, pula mengakui teruja meskipun berasa agak janggal berikutan terikat dengan tatacara operasi piawai (SOP) selama dua tahun.

"Saya sangka kelonggaran ini boleh diberi dari tahun lepas lagi tetapi dilanjutkan tahun ini kerana faham dengan keadaan semasa wabak. Dengan peluang diberikan, saya rasa seronok dan insya-Allah semuanya berjalan baik," katanya.

Seorang lagi jemaah Mohd Zaim Zainudin, 35, berkata sebelum ini beberapa kali beliau terpaksa mencari rumah ibadat lain yang lebih jauh berikutan kuota penuh.

"Alhamdulillah, selepas ini mudah untuk saya solat dan tiada lagi sekatan. Malah, sepanjang tempoh dua tahun ini solat Jumaat rasa sangat lain kerana saf tidak rapat," katanya.

Sementara itu, jemaah juga bersyukur dapat kembali menunaikan solat tarawih seperti biasa tanpa penjarakan fizikal bermula 2 April.

Nazir Masjid Al Khairiyah, Taman Seri Gombak Wan Nawawi Wan Dagang berkata selepas dua tahun ini adalah detik bermakna buat umat Islam kerana dapat mengimarahkan masjid ketika Ramadan.

"Pada Ramadan 2020 kita hanya dibenarkan enam orang sahaja membabitkan jawatankuasa masjid, tahun lalu angkanya bertambah kepada 300 jemaah.

"Kali ini kita bersyukur dengan ketetapan baru kita dibenarkan merapatkan saf dan kita berharap umat Islam bukan sahaja di sini tetapi di mana-mana sahaja untuk ambil peluang untuk mengimarahkan masjid," katanya.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan membenarkan menunaikan solat berjemaah di masjid dan surau tanpa penjarakan fizikal bermula 1 April.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata ketetapan dibuat selepas Baginda mengadakan rundingan bersama beberapa agensi kerajaan negeri dan ahli-ahli Dewan Diraja Selangor.

RM150,000 buat 1,000 keluarga

SHAH ALAM - Bingkisan Mesra Sdn Bhd (Bingkisan Mesra) membelanjakan RM150,000 bagi membantu 1,000 isi rumah kurang berkemampuan di lapan lokasi di negeri ini.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata anak syarikat Kerajaan Negeri itu menyalur sumbangan RM150 dalam bentuk barangan keperluan asas selain sejadah, kain telekung dan buah kurma kepada penerima menerusi program Tautan Mesra Ramadan.

"Kita peruntuk 125 penerima setiap lokasi iaitu Shah Alam, Petaling, Klang, Sepang, dan Ampang.

"Setakat ini, dua kawasan di Shah Alam, PPR Hicom dan Seksyen 24 telah selesai diagih pada 2 dan 3 April," kata Zahariman Ariffin.

Menjelaskan bantuan itu disampaikan pengerusi Bingkisan Mesra yang juga EXCO Kesejahteraan Bandar, Rodziah Ismail, beliau berkata bantuan selebihnya disalur pada setiap Sabtu dan Ahad sepanjang Ramadan.

Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan piala kepada pemenang Liga Usahawan OKU Selangor-SAY LEAD edisi ketiga di Sunway Resort Hotel, Subang Jaya pada 31 Mac. Foto Facebook SAY

Peniaga putu piring OKU juara liga

SHAH ALAM - Peniaga putu piring yang juga orang kelainan upaya (OKU) fizikal, Yusairi Hafiz Tajuddin dipilih sebagai juara Liga Usahawan OKU Selangor (SAY LEAD) edisi ketiga pada 31 Mac.

Yusairi yang mengusahakan gerai Putu Piring Warisan Nenek di Medan Selera Pasar Moden Majlis Perbandaran Subang Jaya (MBSJ) membawa pulang piala, sijil dan layak ke peringkat seterusnya iaitu SAY LEAD+ selama setahun.

Beliau yang mengalami masalah urat saraf tangan dan kaki kanan memulakan perniagaan bermodalkan RM3,000 dan kini menjana pendapatan RM30,000 sebulan.

Pemenang liga ini juga diberikan bimbingan selama satu tahun bagi mengembangkan perniagaan melalui akses pasaran baharu, digitalisasi dan pasaran eksport.

Sementara itu, Selangor Youth Community (SAY) di Facebook memaklumkan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan menjadi juri pada program berkenaan.

Tengku Amir Shah turut berkenan memilih tiga lagi pemenang termasuk penerima Anugerah Usahawan Harapan OKU iaitu Faizul Ahmad Zaki (Cuci Karpet Bukit Beruntung), Nooraihan Che Li (BNG Homeware Hub) dan A Linges Warry (Absolute Glam Global).

Bincang usaha dakwah

Negeri tekad subur syiar Islam

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar meluangkan masa bertemu pendakwah terkenal Habib Ali Zaenal Abidin Al-Hamid di kediaman rasminya di sini pada 6 April.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan pertemuan itu bagi membincangkan beberapa usaha dakwah yang dilaksanakan di negeri ini.

"Alhamdulillah, bertemu Habib Ali Zaenal Abidin Al Hamid serta wakil Yayasan Ar-Ri'ayah untuk membincangkan usaha-usaha dakwah yang dilaksanakan di Selangor.

"Insya-Allah Kerajaan Negeri akan terus komited menyuburkan usaha dakwah dan syiar Islam di bumi Selangor Darul Ehsan," katanya.

Habib Ali, 48, yang juga pengerusi Yayasan Ar-Ri'ayah merupakan bekas pelajar Universiti Al-Azhar dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia serta berguru dengan ramai ulama.

Beliau dilantik sebagai pentadbir utama Majlis Ta'lim Darul Murtadza yang membahaskan ilmu tafsir al-Quran dan hadis selain sering muncul di televisyen dan radio dengan pelbagai topik agama.

Artis jaya sketsa Selangor Bangkit

SHAH ALAM - Raja Azura dan Bell Ngasri antara selebriti yang menjayakan lima sketsa dalam program Senandung Aidilfitri anjuran Kerajaan Negeri yang akan ditayangkan pada hari kedua Syawal.

Pelawak terkenal Azlee Senario dan penyanyi baharu Sissy Iman turut tampil dalam sketsa itu, dua daripadanya bertema kejadian banjir besar yang menimpa negeri ini hujung tahun lalu.

Pengarah produksi Adon Dagok berkata sketsa tersebut bertujuan mengenang kembali musibah berkenaan dan bentuk bantuan yang dihulur kepada penduduk terjejas, seiring semangat Selangor Bangkit.

"Kita turut selitkan sketsa humor yang kena dengan masyarakat seperti rebut raya dan kampung halaman. Dalam lakonan rebut raya, ada perang mulut bergaduh hendak balik kampung siapa, memang melucukan.

"Terakhir ialah sketsa mengenai juadah raya popular di Selangor. Kalau mahu tahu lebih lanjut, jangan lupa tonton," katanya kepada Selangorkini pada 4 April.

Disiar di portal selangortv.my dan media sosial, Senandung Aidilfitri pertama kali disiarkan tahun lalu ketika larangan balik kampung berikutan Perintah Kawalan Pergerakan.

Agih 1,000 pek makanan setiap hari

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI mengagih 1,000 pek makanan berlauk setiap hari ke beberapa lokasi terpilih sepanjang Ramadan.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor berkata sebanyak 500 pek diedar ke Bangunan Darul Ehsan di sini manakala 500 lagi ke lokasi lain.

"MBI juga menerima permohonan dari rumah anak yatim dan ia dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) membabitkan 500 pek makanan serta pengagihan dibuat pada hari tertentu.

"Kita turut mengedarkan bubur lambuk dan kurma di bazar-bazar terpilih iaitu sebanyak tiga kali dalam seminggu," katanya pada 4 April.

Ahmad Azri berkata sebanyak RM3 juta diperuntuk MBI untuk menjayakan pelbagai program Ramadan tahun ini termasuk sumbangan kepada masjid dan surau.

Daripada jumlah itu, RM2 juta diagih kepada masjid, surau serta pelbagai pihak lain untuk aktiviti pengimarahan sepanjang bulan suci itu.

Setiap masjid menerima dana RM10,000 sementara RM5,000 diagihkan kepada surau.

Pihak masjid dan surau yang ingin mengadakan sebarang aktiviti boleh memohon dengan MBI.

Operasi pematuhan SOP diteruskan

KUALA LUMPUR - Operasi pematuhan tatacara operasi piawai (SOP) diterus walaupun negara berada di fasa endemik, kata Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Datuk Hazani Ghazali.

Beliau berkata operasi penguatkuasaan itu dijalankan bagi memastikan masyarakat terus mematuhi SOP yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa selain menjaga keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

"Individu yang didapati sengaja melanggar peraturan bakal dikenakan tindakan sewajarnya di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) berdasarkan SOP terkini bertarikh 1 April dan Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 31 Mac," katanya.

Negara memasuki fasa peralihan ke endemik mulai 1 April dengan beberapa kelonggaran mula diberikan antaranya pembukaan sempadan negara, premis perniagaan boleh beroperasi mengikut masa lesen perniagaan masing-masing.

Antara lain tiada penjarakan fizikal semasa solat di masjid dan surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat lain. – BERNAMA

Pelitup muka perlu diperakui sirim

PUTRAJAYA - Berkuat kuasa 4 Julai, semua pengilang dan pengimport pelitup muka bukan perubatan perlu membuat permohonan perakuan serta penandaan MS SIRIM daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkata ia susulan pewartaan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Muka Bukan Perubatan 2022 di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 pada 5 April.

Menurut KPDNHEP, pewartaan tersebut bertujuan memastikan pelitup muka bukan perubatan yang dihasilkan sama ada dalam negara atau diimport mematuhi standard keselamatan yang telah ditetapkan menerusi perintah itu.

"Penandaan MS SIRIM hendaklah diletakkan pada kotak atau bungkusan yang mudah dilihat pengguna. Penandaan ini menunjukkan ia telah mematuhi standard, berkualiti dan selamat digunakan," menurut KPDNHEP pada 5 April. – BERNAMA

Kerajaan tetapkan SOP sembilan perkara

Patuhi garis panduan endemik

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Kerajaan menetapkan satu tatacara operasi piawai (SOP) dan sembilan garis panduan untuk orang ramai dalam fasa peralihan ke endemik mulai 1 April.

SOP itu antaranya melibatkan had waktu premis yang boleh melangkaui jam 12 tengah malam, bergantung kepada ketetapan pihak berkuasa tempatan masing-masing.

Selain itu, orang ramai perlu mengimbas kod QR MySejahtera untuk pendaftaran masuk di pintu masuk pusat beli belah, pasar raya, pasar borong, pasar malam dan bazar Ramadan.

Pemakaian pelitup muka juga wajib kecuali melibatkan beberapa situasi antaranya ruang kerja bersendirian, sukan dan rekreasi, persembahan termasuk menyanyi, menari, berlakon, berceramah serta kanak-kanak berusia lima tahun ke bawah.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut mengeluarkan garis panduan berhubung penjarakan fizikal, penguduaraan, kebersihan tangan, pembersihan premis, ujian pengesanan Covid-19 dan pengurusan kes.

Bagaimanapun, aktiviti melibatkan kelab malam masih belum dibenarkan.

Perincian boleh disemak menerusi laman web www.mkn.gov.my/web/ms/fasa-peralihan-ke-endemik/

Tiada dos penggalak boleh ke restoran

KUALA LUMPUR - Individu yang hilang status lengkap vaksin bermula 1 April kerana tidak mendapat dos penggalak masih boleh melakukan aktiviti sama seperti mereka yang lengkap divaksinasi.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata antara aktiviti itu ialah makan di restoran, memasuki pusat beli-belah, tempat kerja dan rumah ibadat.

"Sehubungan itu, pemilik-pemilik premis perlu pastikan bahawa hanya pelanggan atau pengunjung yang telah sekurang-kurangnya melengkapkan vaksinasi dos primer dibenarkan masuk ke premis perniagaan, rumah ibadat dan lain-lain yang berkenaan," katanya pada 30 Mac.

Beliau berkata seperti diumumkan sebelum ini, semua penerima vaksin Sinovac dan Sinopharm berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun ke atas akan kehilangan status vaksinasi lengkap dalam aplikasi MySejahtera sekiranya belum menerima dos penggalak.

Bagaimanapun katanya, maklumat sejarah vaksin primer yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera masih kekal.

Menurutnya pengambilan dos penggalak akan meningkatkan semula paras antibodi dalam tubuh, seterusnya boleh mengurangkan risiko gejala teruk akibat jangkitan Covid-19.

"Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan dan menggalakkan individu yang belum menerima dos penggalak supaya mendapatkannya dengan segera," katanya. – BERNAMA

33,621 kanak-kanak lengkap vaksin

KUALA LUMPUR - Sebanyak 33,621 kanak-kanak berumur antara lima hingga 11 tahun di negara ini telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) setakat 5 April.

Berdasarkan laman web CovidNow, sejumlah 1,353,774 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 38.1 peratus daripada populasi berkenaan telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara bagi populasi dewasa, seramai 15,876,357 individu atau 67.5 peratus telah menerima dos penggalak, manakala 22,954,326 individu atau 97.6 peratus telah lengkap vaskinasi, dan 23,231,749 atau 98.8 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun, seramai 2,854,230 individu atau 91.7 peratus telah lengkap divaksinasi dan 2,950,267 individu atau 94.8 peratus telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 22,807 dos vaksin telah diberikan semalam, melibatkan 2,501 dos pertama, 8,670 dos kedua dan 11,636 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kepada 69,042,067.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, sebanyak 33 kematian akibat Covid-19 dilaporkan dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu lapan kematian.

Ini diikuti Perak dengan enam kes, Kedah (empat) dan tiga kematian di Sarawak. Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis masing-masing merekodkan dua kes manakala Pulau Pinang dan Kuala Lumpur masing-masing, satu kes kematian. – BERNAMA

WAKTU SOLAT

7 - 13 APRIL 2022
5 - 11 RAMADAN 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Khamis	5:53	6:03	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
08 Jumaat	5:52	6:02	7:08	1:18	4:25	7:22	8:32
09 Sabtu	5:52	6:02	7:08	1:18	4:25	7:22	8:32
10 Ahad	5:51	6:01	7:08	1:17	4:25	7:22	8:31
11 Isnin	5:51	6:01	7:07	1:17	4:26	7:22	8:31
12 Selasa	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:22	8:31
13 Rabu	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:21	8:31

Waktu berbuka

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Khamis	5:54	6:04	7:10	1:19	4:25	7:23	8:32
08 Jumaat	5:53	6:03	7:10	1:19	4:26	7:22	8:32
09 Sabtu	5:53	6:03	7:10	1:18	4:26	7:22	8:32
10 Ahad	5:52	6:02	7:09	1:18	4:26	7:22	8:32
11 Isnin	5:52	6:02	7:09	1:18	4:27	7:22	8:31
12 Selasa	5:52	6:02	7:09	1:17	4:27	7:22	8:31
13 Rabu	5:51	6:01	7:08	1:17	4:27	7:21	8:31

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Khamis	5:55	6:05	7:11	1:21	4:26	7:25	8:34
08 Jumaat	5:54	6:04	7:11	1:20	4:26	7:25	8:34
09 Sabtu	5:54	6:04	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34
10 Ahad	5:54	6:04	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34
11 Isnin	5:53	6:03	7:09	1:19	4:27	7:24	8:34
12 Selasa	5:53	6:03	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34
13 Rabu	5:52	6:02	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34



Slat (tengah) memberi penerangan kepada Ir Izham, Tengku Zatashah (tiga, kanan) dan Norita mengenai perkembangan semasa kerja pembersihan di Sungai Klang pada 4 Mac. Foto HAFIZ OTHMAN

Sampah kurang, air Sungai Klang bersih

KLANG - Empat pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memasang perangkap sampah (log boom) sepanjang laluan Sungai Klang bagi mengurangkan kutipan sisa kepada 500 tan metrik sebulan tahun ini berbanding 850 tan metrik pada 2021.

EXCO infrastruktur dan kemudahan awam berkata projek pemasangan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Perbandaran Klang dijangka bermula tiga bulan lagi.

Ir Izham Hashim menjelaskan perkara itu telah dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Perundingan Gerbang Maritim Selangor (SMG) baru-baru ini, namun menunggu dimuktamadkan PBT berkaitan.

"PBT akan laksana (pemasangan) manakala kita akan pantau dari segi spesifikasi dan kaedah memandangkan kita mempunyai banyak pengalaman mengurus Sungai Klang.

"Melalui usaha ini, PBT dapat memerangkap sampah dengan lebih awal sebelum masuk ke Sungai Klang," katanya pada 4 Mac.

Terdahulu, beliau menyelusuri Sungai Klang dan meninjau jentera Interceptor 005 sejauh kira-kira 17 kilometer dari Taman Awam Pangkalan Batu di sini.

Lawatan turut disertai puteri Sultan Selangor Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Datin Paduka Setia Zatashah Sultan Sharafuddin dan Ketua Pegawai Eksekutif The Ocean Cleanup Boyan Slat.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Norita Mohd Sidek.

Sementara itu, Ir Izham berkata kerja pengorekan sungai berkenaan juga bermula dalam tempoh sama dengan menelan perbelanjaan antara RM500 hingga RM700 juta yang dibiayai syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Korekan (Sungai Klang) akan dibuat sehingga ke Kuala Lumpur. (Langkah ini) bukan setakat membantu pengurusan air banjir tetapi pengurusan ekopelancongan dan pelayaran.

"Banyak lagi usaha perlu dibuat memandangkan sungai ini antara tiga sungai terpenting di Selangor," katanya menambah sebanyak 77,389 tan metrik sampah berjaya dikeluarkan dari Sungai Klang sejak 2016 hingga tahun lepas.

Perluas ke selatan Semenanjung

KLANG - Syarikat The Ocean Cleanup berhasrat memperluas projek kutipan sampah menggunakan jentera Interceptor di sungai lain yang tercemar dalam tiga tahun akan datang.

Pengasasnya Boyan Slat berkata cadangan itu susulan keberkesanan jentera terbabit mengeluarkan ratusan ribu tan metrik sampah di Sungai Klang sejak 2016 bawah projek Gerbang Maritim Selangor (SMG).

"Matlamat kami untuk menangani masalah di 1,000 sungai seluruh dunia selain membendung 80 peratus pencemaran plastik yang mengalir ke laut.

"Kami rancang meneruskan projek ini di Johor dan utara Semenanjung, jadi kami berharap inisiatif ini mendapat sokongan pihak berkaitan," katanya pada 4 April.

Bekas pelajar kejuruteraan aeroangkasa berusia 28 tahun itu menambah penempatan Interceptor 005 pada Oktober tahun lalu melengkapi Interceptor 002 dan tujuh perangkap sampah lain di sungai berkenaan.

"Interceptor 005 adalah jentera pembersihan sungai generasi ketiga yang ditempatkan di Malaysia, maka kami gembira dengan sokongan Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) dan Kerajaan Selangor," kata Boyan.

KK Super Mart ejen e-kupon

SHAH ALAM - Pasar raya KK Super Mart dilantik sebagai ejen rasmi e-kupon bagi Smart Selangor Parking (SSP) yang dikuatkuasakan di seluruh negeri mulai 1 April.

Menurut EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han, usaha itu bagi membantu orang ramai yang tidak ada aplikasi berkenaan untuk membeli kredit parkir.

"Mulai hari ini (1 April), seluruh Selangor akan menggunakan aplikasi digital untuk membuat pembayaran parkir. Tiada lagi kupon gores atau kupon kertas.

"Mereka yang tidak ada aplikasi SSP boleh beli kredit parkir di KK Super Mart dan ejen e-kupon yang lain mulai hari ini (1 April)," katanya sambil menambah lebih banyak ejen dilantik untuk kemudahan pengguna.

29,391 kupon gores sudah ditukar

SHAH ALAM - Orang ramai menukar 29,391 kupon parkir kertas gores membabitkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada e-kupon Smart Selangor Parking (SSP) sehingga 1 April.

Menurut Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), penukaran kupon kertas kepada aplikasi digital itu membabitkan nilai RM17,942.20.

"Dengan penukaran kupon kertas yang dilaksanakan, sejumlah 88.2 kg penjimatan kertas berjaya dicatat bagi pembayaran secara digital melalui aplikasi SSP.

"Ayuh kita terus bantu bersama melestarikan dan memelihara alam sekitar kita," menurut kenyataan SSDU pada 1 April.

Orang ramai digalak memuat turun aplikasi SSP di Google Playstore, AppStore atau Huawei Store bagi memudahkan urusan pembayaran e-kupon.

Pindah nilai pada 9, 10 April

SHAH ALAM - Orang ramai boleh menukar kupon parkir gores kepada e-kupon di Dewan Jenjarum Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Seksyen 11 pada 9 dan 10 April.

Smart Selangor Parking (SSP) menerusi Facebook memaklumkan sesi penukaran nilai kupon berkenaan bermula jam 10 pagi hingga 4 petang.

Penukaran kupon kertas kepada aplikasi digital itu membabitkan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh Selangor.

Orang ramai diingatkan membawa kupon gores parkir yang belum tamat tempoh. Kupon yang melepasi tarikh luput tidak sah untuk penukaran.

Berkuat kuasa 1 April lalu, bayaran parkir kereta di seluruh PBT di Selangor menggunakan sistem e-kupon sepenuhnya.

Jimat masa, mesra pengguna

Parkir digital mudahkan urusan

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Orang ramai menyambut baik pelaksanaan pembayaran parkir digital (e-kupon) yang dikuatkuasakan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) mulai 1 April.

Kakitangan swasta Nabila Husna Abd Halim, 27, menyifatkan urusan pembayaran menjadi lebih cepat berbanding penggunaan kupon fizikal menerusi aplikasi Smart Selangor Parking (SSP).

"Kalau terlupa gores kupon untuk bayar parkir, kita kena patah balik ke kereta. Tetapi bila ada e-kupon, kita terus lakukan bayaran di mana sahaja," katanya.

Juruteknik Mohd Fhadil Jaiman, 50, berkata inisiatif itu menjimatkan masa berbanding kaedah lama yang memerlukan orang ramai membeli kupon mengikut PBT.

"Kalau guna kupon, kadang-kadang kertas gores habis. Kena pusing-pusing cari ejen (jual kupon), jadi ambil masa lama. Jadi guna e-kupon ini memang memudahkan," katanya.

Sementara itu, warga emas Zaki Bilatenek, 64, meminta PBT menempatkan kakitangan di kawasan parkir bagi membolehkan maklumat pelaksanaan e-kupon diketahui ramai.

"Ini penting terutama kepada orang tua atau individu yang tidak tahu guna teknologi. Jadi, kakitangan PBT perlu ada untuk ajar dan beri maklumat," katanya.

Bermula 1 April, Kerajaan Selangor menguatkuasakan pembayaran parking e-kupon. Aplikasi boleh dimuat turun di Google Playstore, AppStore atau Huawei Store.

Sebelum ini, EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han memaklumkan pelaksanaan itu membantu Kerajaan Negeri mengesan lokasi tumpuan ramai sekali gus merancang pelbagai kemudahan pada masa depan.

Sidang niaga bermula 6 Oktober

GEORGE TOWN - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2022 akan menjadi platform penting dalam membantu pengeksport dan pengilang memulakan semula perniagaan mereka selain menembusi pasaran serantau, menurut Invest Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Hasan Azhari Idris berkata SIBS 2022 yang diadakan dari 6 hingga 9 Oktober di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, kini lebih relevan berbanding sebelum ini dengan mengambil kira cabaran ekonomi semasa.

"SIBS boleh menjadi inisiatif hab perdagangan global utama oleh Selangor untuk membantu bukan sahaja pengeksport dan pihak pembuat dari Selangor malah dari negeri lain dan peserta serantau bagi memulakan semula perniagaan mereka di rantau ini.

"Saya juga ingin menjemput semua usahawan dari wilayah utara Malaysia untuk mengambil peluang ini dengan menyertai SIBS 2022," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata SIBS menyediakan peluang rangkaian untuk semua peserta merangkumi pelbagai sektor untuk bertemu dan bekerjasama, menggunakan Selangor sebagai pintu masuk ke Asean.

Pelbagai pameran akan diketengahkan sidang kemuncak itu antaranya Ekspo Antarabangsa Selangor (Makanan dan Minuman) 2022, Ekspo Antarabangsa Selangor (Perubatan) 2022, Ekspo Taman Perindustrian Selangor 2022, Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor 2022, dan Ekspo Penyelidikan dan Pembangunan serta Inovasi Selangor 2022.

SIBS 2022 juga akan merangkumi Persidangan Perniagaan Asean Selangor serta acara lain yang akan diadakan pada tempoh yang sama iaitu Festival Kulinari Antarabangsa Selangor 2022, Persidangan Penjagaan Kesihatan Antarabangsa Selangor 2022 dan Persidangan Halal Antarabangsa Selangor 2022.

Hasan Azhari berkata walaupun negara mengalami kelembapan ekonomi akibat pandemik Covid-19, sidang kemuncak edisi 2021 berjaya mengumpulkan sebanyak 494 reruai pameran secara fizikal dan 623 reruai secara maya.

Ikuti akaun media sosial Invest Selangor @selangorsummit atau layari www.selangorsummit.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan mengenai penyertaan dalam sidang kemuncak itu. -BERNAMA

PKNS agih 4,000 bubur lambuk

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mengagihkan 4,000 bungkus bubur lambuk secara percuma kepada pengunjung di Kompleks PKNS di sini pada 5 April.

Bubur lambuk yang didatangkan khas daripada Kampung Baru itu turut diagihkan kepada peniaga dan pemandu teksi di kompleks tersebut bermula jam 4 petang.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata pemberian bubur lambuk Kampung Baru itu merupakan tradisi PKNS sejak 20 tahun lalu, namun tidak dapat dianjurkan dua tahun berikutan pandemik Covid-19.

"Kita dapat meneruskan semula tradisi untuk mengedarkan bubur lambuk dari Kampung Baru sempena Ramadan.

"Untuk keseluruhan program edaran bubur lambuk kita peruntukan kira-kira RM30,000," kata Dato' Mahmud Abbas.

Terdahulu beliau membantu membungkus dan mengedarkan bubur lambuk di Kompleks PKNS Shah Alam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC), Sr Fakru Radzi Ab Ghani dan pengurusan PKNS.

Masdiana (dua,kiri) menyerahkan sumbangan bantuan kelengkapan persekolahan di Pusat Khidmat DUN Sungai Tua, Gombak pada 30 Mac. Foto REMY ARIFIN

RM95,000 bantu pesakit kronik

GOMBAK - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) membelanjakan RM95,000 bagi membantu pesakit kronik membeli ubat menerusi program Ziarah Medik.

Yang Dipertuanya berkata sebanyak 38 Dewan Undangan Negeri (DUN) terlibat dengan keutamaan diberi kepada ibu tunggal dan orang kelainan upaya dari keluarga kurang berkemampuan.

"Setiap penerima sumbangan akan menerima RM250 dan program ini telah pun berlangsung selama tiga bulan.

"Kita juga akan membantu golongan ini dari sudut lain seperti jika belum menerima zakat atau baitulmal, kita akan bantu mereka dapat," kata Datin Seri Masdiana Muhamad pada 30 Mac.

Terdahulu, beliau menyampaikan sumbangan kepada 10 penerima sekitar DUN Sungai Tua di sini.

Tahun lalu, Pekawanis memperuntuk RM100,000 bagi membantu pesakit kronik menerusi program berkenaan.

Jualan murah catat hasil lebih RM600,000

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mencatat hasil jualan berjumlah RM633,977 melalui program Jualan Prihatin Rakyat setakat 5 April.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata angka itu berdasarkan jualan produk seperti ayam, telur, daging dan ikan di 17 Dewan Undangan Negeri (DUN) sejak 8 Februari.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM190,241 diskaun telah diberikan kepada pembeli. Kita gembira melihat penerimaan dalam kalangan pembeli yang sangat baik dan menggalakkan," katanya.

Beliau memaklumkan sebanyak 35,655 ekor ayam terjual dalam tempoh tersebut diikuti 16,430 papan telur, ikan 1,889 kilogram (kg) dan daging 763kg.

"Di setiap DUN, sebanyak 800 ekor ayam disediakan manakala 500 papan telur, ikan (100kg) dan daging 10kg," katanya pada 5 April.

Program diadakan setiap hujung minggu di 64 kawasan di seluruh negeri bertujuan mengurangkan beban rakyat susulan kenaikan harga barang dan inisiatif ini dianjurkan sehingga hari raya Aidilfitri ini.

Sebanyak 50,000 ayam, 3,100kg daging segar, 6,200kg ikan kembung dan selayang serta 315,000 biji telur gred B turut dijual sepanjang program berkenaan.

Menerusi program itu, ayam standard dijual pada harga RM12 seekor, daging pejal segar (RM35 perkilogram), telur gred B (RM10 sepapan) dan ikan kembung atau selayang (RM8 per pek).

Sementara itu, Dr Mohamad Khairil memaklumkan program Jualan Prihatin Rakyat diteruskan di empat Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 9 dan 10 April ini.

Beliau berkata cadangan lokasi program tersebut pada Sabtu, 9 April adalah di Bukit Antarabangsa dan Lembah Jaya manakala Ahad di Kota Damansara serta Kuang.

"Bagaimanapun, lokasi spesifik akan dimuktamadkan. Orang ramai yang berada di kawasan berhampiran dijemput datang membeli pelbagai produk disediakan," katanya kepada Selangorkini.

Hijrah lahir 92 peniaga di Gombak

GOMBAK - Seramai 92 usahawan dilahirkan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) cawangan Gombak menerusi skim Zero To Hero sejak diperkenal pada 2016.

Pengurusnya Fatin Syafiqa Abdul Manap menjelaskan golongan belia yang menganggur dan hilang pekerjaan paling ramai memohon skim berkenaan.

"Daripada jumlah itu, ada 52 usahawan yang masih aktif bawah pemantauan Hijrah, sebahagian besar mereka ini diberhenti kerja dan belia lepasan universiti yang tidak mendapat pekerjaan.

"Selain itu, seramai 10 individu telah dibantu akibat hilang pendapatan kesan pandemik Covid-19 baru-baru ini," katanya pada 31 Mac.

Terdahulu, beliau melawat usahawan Hijrah, Muhammad Rahmad Misnan di Taman Sri Gombak di sini.

Tingkat keyakinan pelabur Pulau Indah

SHAH ALAM - Pembukaan pos kawalan bomba di Laguna Square, Pulau Indah dijangka menambah keyakinan pelabur untuk meningkatkan pelaburan di kawasan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Central Spectrum (M) Sdn Bhd Mohamad Razif Abdul Wahab berkata kemudahan itu memberi khidmat profesional pencegahan dan pemadaman kebakaran termasuk menyelamatkan nyawa serta harta benda.

Katanya, kemudahan yang pertama diwujudkan di negeri ini selaras pelan induk pembangunan untuk menyediakan kawasan bagi perkhidmatan institusi kerajaan di Pulau Indah.

"Kami amat berbesar hati kerana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor setuju untuk beroperasi di sini," katanya di Pulau Indah, Klang pada 29 Mac.

Saran belia kreatif sebar maklumat

GOMBAK - Golongan belia disaran menggunakan kepakaran dan kreativiti dalam menyampaikan maklumat berkaitan halal kepada masyarakat.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni menegaskan usaha berkenaan dapat membantu menyelamatkan orang ramai daripada perkara haram dan meragukan.

"Mungkin melalui penciptaan aplikasi, penulisan di media sosial, alat semakan halal, laman sesawang dan sebagainya yang mampu memudahkan orang awam dalam memilih suatu produk atau perkhidmatan yang halal," katanya pada 2 April.

Seramai 150 pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Institut Baitulmal dan Universiti Sains Islam Malaysia menyertai forum anjuran Kerajaan Negeri dan Persatuan Pelajar Islam Selangor Darul Ehsan.

Cerita di sebalik tudung Zizi

SHAH ALAM – Cantik, seksi dan popular hingga ada individu bergelar datuk sanggup menawarkan rumah asalkan sanggup melayani kehendaknya. Selain itu, gangguan mesej berbaur seks lumrah buat penyanyi terkenal Zizi Kirana.

Bagi artis kelahiran Sabah itu, pengalaman sedemikian mencetuskan ilham kepada pemilik nama sebenar Nur Fazelah Mad Tahil untuk menghasilkan lirik hingga menjadi siulan ramai.

Dalam Selangorkini minggu depan, Zizi Kirana turut berkongsi kisah penghijrahannya, daripada seorang yang berimej seksi kepada muslimah berhijab.

Popular dengan lagu 'Boleh Jalan', beliau juga menceritakan kehidupannya selepas bergelar isteri kepada pelakon Yusuf Bahrin.

Sisipan Pancawarna edisi 14-20 April juga memuatkan kisah penjaga gol Nur Ezza Ashikin Abdul Razak. Meski hanya berketinggian 165 sentimeter, ia bukan penghalang untuk menjadi pengawal gawang pasukan Negeri Sembilan Women FC (NSW FC).

Sisipan sama juga merakam pengalaman Nur Ezza Ashikin dalam sukan bola sepak hingga menang Sarung Tangan Emas bagi Liga Super Wanita anjuran Persatuan Bolasepak Selangor.

Gadis berkenaan yang kini menuntut peringkat diploma di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia menjadikan penjaga gol Sepanyol David De Gea sebagai idolanya.

Nur Ezza Ashikin mengakui beliau sering menonton aksi De Gea ketika mewakili Manchester United menerusi saluran Youtube untuk mengasah kemahirannya menjaga gawang gol.

Sisipan Selangorkini minggu depan juga memuatkan infografik mengenai Nuzul al-Quran sempena memperingati turunnya ayat Allah kepada umat manusia menerusi Nabi Muhammad SAW.

Selain itu, rakaman lensa kemeriahan Persidangan Halal Antarabangsa Selangor juga dipaparkan dalam Pancawarna akan datang.

Bantu tingkat pasaran

Ekspo halal medan perkenal produk

Oleh **SHEEDA FATHIL**

GOMBAK - Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) anjuran Kerajaan Negeri menjadi medan bagi pengusaha tempatan memperkenal perkhidmatan kepada orang ramai.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata program julung kali selama tiga hari pada 4 Mac juga membantu masyarakat mengenali lebih terperinci produk halal, seterusnya meningkatkan pasaran industri halal di Selangor.

Saya juga yakin banyak pihak turut berperanan meluaskan lagi kefahaman tentang industri ini," katanya selepas merasmikan forum Bicara Halal 2022 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di sini pada 2 April.

Selhac yang mendapat kerjasama Halal International Selangor menampilkan tiga komponen iaitu forum, ekspo dan padanan perniagaan dengan disertai 100 pempamer daripada 40 syarikat.

Ia dibahagikan kepada enam kluster iaitu makanan, farmasi, kecantikan, pelancongan, fesyen dan bahan halal yang mencatatkan transaksi melebihi sasaran iaitu sebanyak RM37.73 juta.

OKU mangsa bah terima RM500

KUALA LUMPUR - Senyuman terukir pada wajah 17 orang kelainan upaya (OKU) penglihatan yang terjejas bah Disember lalu selepas menerima bantuan RM500 sumbangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI pada 31 Mac.

R Subramaniam, 43, yang hilang penglihatan sejak lahir bersyukur berikutan kesusahan keluarga sejak tiga bulan lepas mendapat perhatian MBI dan Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB).

Menetap di Taman Sri Muda, Shah Alam, beliau yang berkhidmat sebagai penyambut tetamu di MAB, Brickfields sejak 16 tahun lalu berhasrat menggunakan wang tersebut untuk membeli peralatan rumah baharu.

"Bantuan ini sedikit sebanyak menampung perbelanjaan untuk menggantikan peralatan elektrik dan perkakas rumah yang rosak. Sumbangan diberi amatlah dihargai," katanya.



Cheah Khai Hoong, 28, yang hilang penglihatan sejak berusia 14 tahun pula terharu atas keprihatinan MBI yang tidak meminggirkan golongan sepertinya.

"Beberapa hari selepas kejadian banjir, MAB datang ke rumah bagi melihat keadaan semasa. Saya berterima kasih kepada pihak berkenaan kerana tidak melupakan individu kurang upaya seperti saya," katanya.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif MBI Norita Mohd Sidek menghulurkan bantuan kepada 17 OKU penglihatan yang terjejas bah dalam majlis di Brickfields di sini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MAB George Thomas.

Piala dari England
15

Facebook Syahril A.Kadir

Nazrey 'jual' suara bina maahad tahfiz

Nazrey Johani mencipta fenomena bersama Raihan yang dianggotainya selama 10 tahun. Lagu-lagu ciptaan mualaf dari Ranau, Sabah itu mengangkat muzik nasyid ke aras baharu.

Meski tidak lagi bersama kumpulan itu, beliau masih berdakwah di kampungnya di Sabah.

Wartawan **Amin Ridzuan Ishak** merakam perkembangan mutakhir Nazrey menerusi temu bual pada 20 Mac lalu

Selepas masyhur dengan kumpulan nasyid Raihan, Nazrey Johani membawa haluan sendiri pada 2006. Tujuannya mahu meneruskan dakwah di negeri kelahirannya, Sabah.

Beliau memutuskan untuk kembali ke kampungnya di Kampung Sinarut Baru yang terletak berhampiran Mamut, tapak lombong tembaga, emas dan perak yang tidak lagi beroperasi.

Tujuannya untuk menyebarkan Islam dan membantu penduduk terutama dalam kalangan saudara baharu.

Sebagai mualaf, Nazrey faham benar kesukaran dihadapi mereka. Dirinya sendiri mengambil masa lama untuk memahami Islam.

Memeluk Islam ketika berusia 13 tahun yang pada mulanya atas desakan bapanya, Allahyarham Johani Inggangong, bapa tujuh cahaya mata berusia 51 tahun itu memasang azam membina masjid dan maahad di kampungnya serta kampung isterinya di Kampung Bitoon, juga di daerah sama.

Namun usaha itu bukan mudah. Kos pembinaan tinggi selain perlu membayar tenaga pengajar. Bermodalkan suara lunaknya, Nazrey menjelajah ke pelbagai lokasi untuk memenuhi undangan persembahan bagi mengumpul dana.

Nazrey juga 'menebalkan' muka membuat persembahan di pasar malam dan pasar tani yang mengejutkan ramai peminatnya sehingga ada menyangka dirinya hidup melarat selepas meninggalkan Raihan. Tanggapan itu ditolak Nazrey.

"Saya tidak malu (menyanyi di pasar malam dan pasar tani) kerana saya buat ini kerana ingin berdakwah demi Islam.

"Alhamdulillah ramai yang hulur sumbangan," katanya yang turut memenuhi undangan berceramah, majlis makan malam dan menggunakan bayaran royalti untuk menampung kos pembinaan maahad tahfiz.

Sepuluh tahun kemudian iaitu pada 2016, impian Nazrey menjadi realiti. Di Kampung Bitoon, sebuah masjid dan maahad tersergam indah. Tersedia kelas fardu ain untuk mengajar asas Islam kepada penduduk.

"Saya juga beri sedikit wang kepada penduduk yang datang belajar, beri mereka semangat selain ringankan beban kerana kita tahu kesukaran mereka," katanya kepada Selangorkini.

Facebook Maahad Ranau

Bina maahad tahfiz

Di kampungnya pula, sebuah maahad tahfiz berjaya dibina. Seramai 30 bakal huffaz belajar di premis itu termasuk dari semenanjung. Namun, kini terpaksa ditutup kerana mengalami kerosakan akibat tanah mendap dalam kejadian tahun lalu.

Selain mencari dana membaik pulih maahad tahfiz miliknya, Nazrey turut membantu rakannya untuk mengutip sumbangan bagi membina rumah anak yatim dan asnaf di Kanchong Darat, Kuala Langat. Mereka aktif menganjurkan pelbagai aktiviti seperti majlis makan malam.

Mengimbau saat dirinya bersama Raihan, Nazrey menyifatkannya sebagai pengalaman menakjubkan terutama dalam menempatkan muzik nasyid setanding genre lain seperti rock, pop atau balada yang menguasai industri hiburan negara.

Nazrey masih ingat tujuan awal mereka menceburi bidang seni adalah untuk menyampaikan dakwah Islam melalui nasyid yang berkait rapat dengan pemilihan nama kumpulan berkenaan yang bermaksud wangian syurga. Popularity atau jualan album bukan sasaran utama mereka.

Namun, takdir tertulis sebaliknya. Album pertama 'Puji-Pujian' terjual lebih 1.5 juta unit di Malaysia dan mencecah 3.5 juta unit di seluruh dunia setakat 2017. Pencapaian itu paling tinggi pernah direkodkan artis Malaysia sehingga kini.

Lagu 'Puji-Pujian' dan 'Iman Mutiara' mendapat sambutan hangat orang ramai. Liriknya mudah difahami dan hanya diiringi muzik ringan seperti gendang menyebabkan masyarakat terdiri daripada pelbagai lapisan usia serta kaum senang dengan lagu berkenaan.

"Saya sendiri sukar hendak percaya dengan

> **Saya tidak malu (menyanyi di pasar malam dan pasar tani) kerana saya buat ini kerana ingin berdakwah demi Islam**

sambutan itu, dipanggil pula buat persembahan di luar negara," ujar Nazrey yang sempat mengikut jelajah Raihan antaranya ke London, sembilan kota di Perancis dan Kanada.

Waktu itu, Raihan dianggotai Nazrey, Azahari Ahmad, Abu Bakar Mohd Yatim, Che Amran Idris dan Amran Ibrahim.

Namun Nazrey keluar pada 2006 manakala Azahari meninggal dunia pada 2016. Abu Bakar, Che Amran dan Amran masih meneruskan perjuangan dalam kumpulan itu.

Nazrey turut menceritakan kisah bagaimana Raihan boleh dipilih menerima jemputan Ratu Elizabeth II untuk membuat persembahan nyanyian di Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Edinburgh, Scotland pada 1997. Ramai tidak mengetahui kisah itu.

Cerita Nazrey, ada seorang pengurus acara dari United Kingdom terbang ke Malaysia untuk mencari artis bagi membuat persembahan pada hari terakhir mesyuarat itu. Mulanya, lagu Raihan tidak diperdengar kepada individu berkenaan, hanya lagu artis popular.

"Namun, beliau tidak berpuas hati kerana mahu mencari sesuatu yang unik. Hanya pada hari terakhir barulah lagu kami diperdengarkan. Beliau terus setuju pilih Raihan.

"Berada di sana satu pengalaman luar biasa kerana kami membawa lagu nasyid sedangkan ketika itu lagu genre lain yang popular, rezeki kami berdakwah kepada lebih ramai orang," kata Nazrey.

Raihan juga menjadi artis Malaysia ketiga membuat persembahan di Royal Albert Hall, London selepas Allayarham Datuk Sudirman Arshad dan Datuk Seri Siti Nurhaliza. Namun Nazrey tidak lagi bersama kumpulan itu ketika konsert berkenaan diadakan pada Mac 2008.

Pada persembahan itu, Raihan berduet dengan Yusuf Islam atau dikenali dengan nama popular Cat Stevens menerusi lagu 'God Is The Light' dan 'Rakan Selawat' dalam versi Inggeris.

Cipta sejarah

Raihan juga mencipta sejarah apabila tersenarai dalam 500 muslim paling berpengaruh di dunia bagi kategori seni dan budaya selama sembilan tahun bermula 2008 hingga 2016. Pengiktirafan itu dicapai hasil kajian Universiti Georgetown, Washington, Amerika Syarikat.

Kumpulan itu mencetus fenomena muzik baharu Islam kontemporari yang menjadi ikutan kepada penggiat nasyid di dunia turut merangkul 17 trofi Anugerah Industri Muzik (AIM) daripada Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM).

Nazrey selepas meninggalkan Raihan meneruskan dakwah menerusi muzik dengan mengeluarkan album bertajuk Syahadah pada 2007 disusuli Nasyid Nostalgia Memori The Zikr sembilan tahun kemudiannya.

Beliau turut menerbitkan single nyanyian zikir Ya Hayyu Ya Qayyum, Astaghfirullah, La Hawla Wala, Lailahaillahallah, Subhanallah dan Ya Zaljalal yang boleh didengar menerusi saluran media dalam talian antaranya YouTube.

Menceritakan pengalamannya memeluk Islam, Nazrey mengakui dirinya pada mulanya berpura-pura mengamalkan ajaran Islam kerana dipaksa bapanya. Dirinya ketika itu penganut tegar fahaman Katolik.

Imam Al-Ghazali rayu perompak pulang buku

Oleh **ABDULLAH HUSSAINI**

Namanya Muhammad, ayahnya Muhammad dan datuknya Muhammad. Meski *kunyah* digunakannya adalah Abu Hamid yang bererti bapa kepada Hamid, tetapi dia hanya meninggalkan seorang anak perempuan sesudah kepergiannya. Kita mengenalnya sebagai Al-Ghazali, atau Imam al-Ghazali. Antara gelaran lainnya adalah Hujjatul Islam dan orang Barat yang entah lidah pelat atau apa sebabnya, memanggilnya sebagai Algazel. Tidak terkira keringat hidup dan tinta ilmu yang telah ditumpahkan Al-Ghazali dalam menentukan nilai-nilai kerohanian ummah. Deretan kitab dan karya tinggalannya membuktikan betapa agung sumbangan susuk ini khususnya kepada dunia Islam dan dunia secara amnya. Maka sahihlah kata hukama, nama yang baik dikenang orang, jasa yang menggunung wangi berzaman.

Tidak banyak yang diketahui tentang kehidupan awal Al-Ghazali. Apa yang pasti, dia dilahirkan di Tous (kini sebahagian negara Iran) dan bapa saudaranya yang bernama Abu Hamid al-Ghazali merupakan seorang alim. Justeru itu, sejak zaman kanak-kanak keluarganya tidak jauh dari lingkaran keilmuwan. Bapanya tidak berharta namun tahu kepentingan ilmu. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, dia meninggalkan sejumlah wang kepada seorang sahabatnya untuk menampung belanja pendidikan satu-satu anak lelakinya.

Buku catatan dirompak

Pada 1033 Masihi, Al-Ghazali yang sudah belia berangkat ke Naysabur untuk menadah kitab dengan alim tersohor, Al-Juwayni. Naysabur terletak 50 batu dari Tous dan 300 batu dari Gurgan. Ada satu cerita menarik sewaktu ia belajar di sana dan cerita ini antara yang termasyhur. Dalam perjalanan pulang dari Gurgan, kafilah pelajar termasuk Al-Ghazali telah dirompak. Antara barangan yang dirompak adalah buku-buku catatan belajarnya. Al-Ghazali mengejar perompak itu dan merayu dipulangkan buku-bukunya. Ketua penyamun mencemuhnya, begitu mudah ilmu dapat dicuri, namun tetap memulangkan kembali buku-buku tersebut. Sejurus peristiwa itu, Al-Ghazali menghabiskan tiga tahun, memuatkan ilmunya ke dalam ingatan.

Barangkali apabila disebut nama Al-Ghazali, kita serta-merta teringatkan Ihya' Ulumuddin, Tahafut al-Falasifah atau Al-Mustasfa. Kepelbagaian karyanya dalam bidang fikah, usuluddin, tasawuf, mantik dan falsafah telah membantu merungkai banyak permasalahan ummah. Sedang di belahan Barat pula, ramai ahli falsafah terpengaruh dengan karya-karya Al-Ghazali. Thomas Aquinas contohnya, bersungguh menelaah Tahafut al-Falasifah. Walaupun Al-Ghazali mengaku telah menulis sebanyak 70 buah karya, namun hampir 400 karya diatasnamakan kepadanya. Al-Ghazali ialah pemula yang menyepadukan bidang mantik ke dalam syariah dan perbahasan-perbahasan bidang agama lain. Dia pencari kebenaran dan tidak



pernah puas dengan suatu-suatu keadaan. Kecamuk yang dialaminya kemudian telah menghantarnya ke suatu pertualangan penting dalam hidupnya hingga terhasil salah satu karya ulungnya, *Penyelamat Daripada Kesesatan* (Munqiz Min ad-Dhalal).

Tahunnya adalah 1059 dan Al-Ghazali diserang kemelut dahsyat—tekanan jiwa. Sungguhpun sari kemelut itu bersabit kerohanian dan kejiwaan, tetapi jasmaninya terkesan jua pada bulan Rejab tahun itu. Dan ini memaksanya meninggalkan kerjaya besarnya sebagai profesor, atau lebih tepat, meninggalkan duniawi. Al-Ghazali merakam tempoh itu dengan rinci, "Hampir enam bulan aku terumbang-ambing antara tarikan syahwat dunia dan seruan akhirat. Allah membuatkan lidahku kelu dan tidak lagi mampu mengajar. Suatu hari, aku gagahkan diri untuk mengajar demi memenuhi harapan orang ramai yang mengikuti kuliah-kuliah pengajian selama ini. Tetapi lidahku kelu tak berupaya mengungkapkan sepatah kata pun. Kebisuan ini menjadikan hatiku sangat sedih hingga menjejaskan penghadaman usus. Makanan dan minuman terasa pahit hingga secebis roti pun tak terkunyah dan seteguk air pun tak tertelan. Lama-kelamaan tubuhku menjadi semakin tenat, sehingga para tabib tidak sanggup lagi merawatku. Akhirnya setelah hilang semua kekuatan, maka aku pun mencari perlindungan daripada Allah Ta'ala," (hlm 71, *Penyelamat Daripada Kesesatan*).

Karya malar segar

Lewat buku ini, kita akan faham mengapa keilmuan Al-Ghazali ini sangat luas dan terbuka. Hatinya yang bertindak balas dengan keadaan, telah mendorongnya begitu teliti dalam mencerap segala yang terjadi di sekelilingnya. Lihat bagaimana dia memberikan perlambangan mengenai kebenaran: 'syiling emas tulen dan syiling palsu yang dicampuradukkan atau yang terletak berdekatan tidak akan tertukar—yang tulen tidak akan bertukar menjadi palsu dan yang palsu tidak akan bertukar menjadi emas'.

Ada banyak lagi perlambangan yang begitu mudah dicerna pembaca. Tidak hairan karya ini malar segar kerana ia membahaskan bukan sekadar soal agama, tetapi lebih kepada sikap diri; soal bagaimana menyikapi sesuatu kemelut, memahami dan menghadam keadaan, meneliti cabang-cabang kesesatan. Apatah lagi pada zaman sekarang, ledakan maklumat di media sosial dan internet menjadikan pertimbangan kita celaru. Banyaknya kepalsuan menimbuni kebenaran membuatkan kita wajar jeda sejenak dan menghabisi halaman demi halaman *Penyelamat Daripada Kesesatan* ini.

Al-Ghazali mencampakkan diri ke dalam lautan, menyelam ke dasar paling dalam, menyelidik setiap kepercayaan dan menyingkap rahsia setiap kelompok. Baik kelompok falsafah, batiniah, pembidaah atau zahiriyah, setiap kelompok yang digelutinya membuahkan beberapa kesimpulan penting kepada kita pada zaman kini. Sebab itu satu lagi karyanya yang molek juga diteliti adalah *Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik*. Dalam karya ini Al-Ghazali menegaskan perihal bahaya takfir, antara penyakit yang membawa kepada kemunduran umat Islam. Diletakkan batasan untuk tidak mengeluarkan orang Islam, walau apa pun kecenderungannya dalam peperangan mazhab. Intinya, "Tahan lidahmu semampu mungkin daripada mengkafirkan sesama ahli qiblah selagi mereka berkata, "Tidak ada tuhan selain Allah, dan Muhammad itu pesuruh Allah", dan tidak menyalahi pengakuannya." Tidakkah soal takfir masih menghantui kita hari ini? Bahkan ada juga pihak-pihak tersasar dari landasan, mengkafirkan saudara seagamanya, lalu mendatangkan bahaya jasmani nyata.

Meskipun Al-Ghazali masuk dan menyelidik ke setiap liang kelompok, namun ada beberapa ilmu yang menurutnya mesti ditegah kepada awam. Dalam buku *Ilmu Kalam: Tegahan buat Orang Awam*, sambil menyebutkan kebaikan ilmu kalam, ia menjelaskan pintu-pintu kekacauan dalam bidang tersebut dan memperingatkan orang awam tentangnya.

Karya yang dikatakan dikarang dua minggu sebelum ia meninggal dunia ini walau sedikit rumit namun tetap menarik diteliti. Soalnya apa itu ilmu kalam? Bukan ilmu tulis-menulis. Kalam yang dimaksudkan adalah penafsiran ayat-ayat Allah. Soal mentafsir memerlukan keilmuan yang cermat dan tambah pula bila ada cabang kelompok yang menafsirkan secara berbeza. Jika perbincangannya dibawa ke tengah masyarakat, dikhuatiri mendatangkan bencana ketimbang manfaat. Ia bersangkut-paut dengan bahasa, kemunasabahan dan pengkajian urutan peristiwa.

Jika diteliti, kesemua buku yang disebutkan; *Penyelamat Daripada Kesesatan, Ciri Pemisah Antara Islam dan Zindik dan Ilmu Kalam: Tegahan buat Orang Awam*, sangat berkaitan dan sesuai dibaca berturutan. Ketiga-tiga karya ini telah diterjemah dari bahasa Arab dan diterbitkan oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE). Sesungguhnya penulisan pendek ini tidak cukup membicarakan susuk besar Imam Al-Ghazali dan karya-karyanya.

Selamat datang Ramadan

Pengunjung beratur sejak jam 4 petang bagi mendapatkan ayam pusing madu berempah Mohd Amir Mohammad di bazar Ramadan Taman Greenwood, Gombak pada 3 April

Orang ramai memenuhi bazar Ramadan Kompleks PKNS, Shah Alam pada 3 April. Kerajaan Negeri mewajibkan pengunjung memakai pelitup muka dan mengimbas MySejahtera sebelum masuk ke kawasan bazar

Jemaah menunaikan solat tarawih malam pertama Ramadan di Masjid Al-Khairiyah, Gombak pada 2 April tanpa penjarakan fizikal setelah kelonggaran dikuat kuasa sehari sebelumnya

Tahun ini ibadah puasa disambut dengan penuh kesyukuran susulan ancaman Covid-19 semakin terkawal. Aktiviti orang ramai pada Ramadan kali ini berjalan tanpa sekatan ketat melainkan beberapa tatacara operasi piawai (SOP).
Ahmad Zakki Jilan, **Remy Arifin**, **Hafiz Othman** dan **Fikri Yusof** merakamkan suasana bulan puasa di Shah Alam, Petaling Jaya dan Gombak.



Pengunjung berswafoto di tepi pancuran air di Laman Budaya, Tasik Shah Alam pada 2 April. Pancuran itu dimainkan setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad sepanjang Ramadan hingga 1 Mei dari jam 10 hingga 11.15 malam

Foto MBSA

Foto MBSA

Orang ramai merakam pancuran air berirama yang memainkan lagu berunsur kerohanian di Laman Budaya, Tasik Shah Alam pada 2 April

Kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membungkus bubur lambuk sebelum diagihkan kepada orang ramai di Kompleks PKNS, Shah Alam pada 5 April



Ismail Ahmad, 40, menyiapkan mi goreng yang ditawarkan dengan harga 80 sen pada hari pertama puasa di bazar Ramadan Kompleks PKNS, Shah Alam pada 3 April

Foto Facebook Maziah Mustpha

Maziah Mustpha dari Desaru, Johor menziarahi keluarganya dan mengambil peluang berbuka bersama pada hari pertama puasa di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 3 April

Pengunjung bazar Ramadan SS6/1, Petaling Jaya diimbas Sistem Kawalan Orang Ramai (CCS) Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 5 April bagi memantau jumlah kehadiran

Foto Karangkraf

Ratusan pengunjung dan kakitangan Kumpulan Media Karangkraf berbuka puasa di dataran syarikat penerbitan itu di Shah Alam pada 4 April

Sepasang suami isteri mencuba baju raya kepada anak mereka di Kompleks PKNS, Shah Alam pada 5 April

Orang ramai meninjau jualan pakaian raya di Kompleks PKNS, Shah Alam pada 5 April. Seramai 500 peniaga menjual kuih dan pakaian di situ

Isu matahari pegun, bumi tidak berputar

Penyelidik kedoktoran di Universiti Teknologi Mara, ***ZAMIR MOHYEDIN*** *seorang ahli fizik yang menulis lapan buku*



Baru-baru ini telah berlegar-legar di media sosial tentang perbahasan sifat tabii matahari dan bumi. Terdapat beberapa persoalan yang timbul daripada perbahasan tersebut seperti adakah matahari pegun dan tidak bergerak? Adakah bumi berputar dengan sangat laju? Jika bumi berputar dengan sangat laju, mengapa kita tidak merasai apa-apa? Kita akan selusuri satu persatu tentang persoalan ini.

Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa matahari tidak pegun. Matahari sebenarnya sedang bergerak, tetapi bukan bergerak mengelilingi bumi. Matahari bergerak dan beredar mengelilingi galaksi Bima Sakti dengan kelajuan 720,000 km/j. Dengan kelajuan ini, matahari, termasuk keseluruhan sistem suria mengambil tempoh sekitar 230 juta tahun untuk melengkapkan peredarannya. Bumi pula beredar mengelilingi matahari dengan kelajuan sekitar 108,000 km/j. Bumi juga berputar di atas paksinya dengan kelajuan sekitar 1,670 km/j pada garisan khatulistiwa.

Peredaran bumi dapat dijelaskan dengan kewujudan graviti. Teori kerelatifan menyebutkan graviti terjadi akibat daripada lengkungan ruang-masa. Lengkungan ruang-masa pula terjadi akibat daripada kewujudan objek berjisim. Kewujudan matahari telah melengkungkan ruang-masa dan lengkungan tersebut telah menyebabkan planet-planet dalam sistem suria beredar mengelilinginya. Lengkungan ruang-masa dapat diibaratkan seperti rentangan kain yang melengkung akibat daripada keberadaan objek berat. Apabila objek ringan bergerak di atas rentangan kain tersebut, ia akan beredar mengelilingi pusat lengkungan. Maka, mustahil untuk matahari bergerak mengelilingi bumi memandangkan bumi terlalu ringan untuk menarik matahari mengelilinginya.

Persoalan baru timbul, jika bumi berputar di atas paksinya dengan kelajuan yang begitu menakjubkan, mengapa kita tidak merasai putarannya? Mengapa kita tidak merasai angin menghempap muka kita? Mengapa air tidak berkocak?

Faktor utamanya adalah manusia, pokok, haiwan, bangunan, kenderaan, atmosfera dan segala objek di atas permukaan bumi sedang bergerak dengan kelajuan yang sama dengan putaran bumi. Kita tidak merasai angin menghempap wajah kita kerana udara turut sama bergerak dengan kelajuan sama dengan kita. Kita merasai angin sewaktu menunggang motosikal kerana kita sebenarnya bergerak lebih laju daripada udara. Misalnya dalam keadaan pegun, kita dan udara berada pada kelajuan 1,670 km/j (kelajuan putaran bumi). Apabila kita menunggang motosikal dengan halaju 100 km/j, kita sebenarnya sedang berada dalam kelajuan 1,770 km/j jika bergerak ke arah putaran bumi. Kalau berlawanan, kelajuan kita berkurangan menjadi 1,570 km/j. Kita berlari berkaki ayam pun kita dapat rasa angin bertiup pada muka kita. Umumnya, perbezaan kelajuan pergerakan ini menyebabkan kita rasa angin.

Kejadian ini juga dapat dibuktikan jika kita sedang duduk di dalam kereta api yang bergerak laju, misalnya 300 km/j. Di dalam kereta api, kita tidak merasai apa-apa angin kerana udara dalam kereta api bergerak dengan kelajuan yang sama dengan kita iaitu pada kelajuan kereta api. Dalam kereta api yang sedang bergerak laju, tuang air pun tidak tumpah, air dalam cawan pun tidak berkocak.

Graviti bumi

Kita hanya akan rasa angin yang kuat apabila tingkap kereta api dibuka kerana angin di luar tidak bergerak dengan kelajuan yang sama dengan kelajuan kereta api. Duduk dalam kereta tidak berasa angin sehinggalah tingkap dibuka. Apabila bergerak dalam kenderaan bertutup, semua objek di dalam kenderaan akan bergerak sama laju dengan kenderaan. Walaupun bumi tidak berada dalam bertutup, bumi mempunyai graviti yang membuatkan semua objek di sekeliling kita berada dalam kelajuan yang sama dengan putaran bumi.

Persoalan lain yang timbul ialah, jika bumi berputar, mengapa helikopter tidak terus terapung di udara untuk sampai ke suatu destinasi? Mengapa helikopter perlu bergerak sedangkan bumi di bawahnya berputar?

Persoalan ini dapat dijawab dengan konsep inersia. Dalam inersia, setiap objek akan terus berada dalam keadaan pegun ataupun bergerak sehinggalah ada daya mengubah keadaan objek tersebut. Jika kita melontar bola, sepatutnya bola tidak akan berhenti bergerak. Tetapi bola berhenti kerana ada daya lain yang menghentikan pergerakannya seperti daya geseran dan hadangan angin. Jika kita melontar bola di angkasa lepas, kita akan mendapati bola tidak berhenti bergerak kerana vakum di angkasa hampir tiada daya yang dapat mengubah keadaan bola tersebut.

Bayangkan pula helikopter yang sedang pegun di atas daratan. Ketika helikopter berada di daratan, helikopter telah pun berada pada kelajuan 1,670 km/j (kelajuan putaran Bumi). Maka, apabila helikopter mula berlepas ke udara, helikopter masih berada membawa kelajuan yang sama kerana tiada daya yang mengubah halaju tersebut. Sebab itulah helikopter perlu beranjak untuk sampai ke destinasi, ia tidak boleh terus terapung dan mengharapkan putaran bumi membawanya ke destinasi.

Konsep inersia ini juga terpakai untuk fenomena seperti melompat di dalam kenderaan bergerak. Kita akan jatuh di tempat yang sama walaupun kita sedang melompat di dalam kereta api bergerak laju. Lempar syiling pun, syiling akan jatuh di tempat yang sama. Lalat dalam kereta api pun tidak memaksa dirinya untuk bergerak dengan kelajuan kereta api. Lalat dapat terbang bebas seperti biasa dan tidak akan terkebelakang. Jika kita melontar bola di atas kereta bergerak pun, bola tetap akan jatuh ke tangan kita semula. Jika kita lontar objek yang terlalu ringan seperti kertas di atas kereta bergerak, kertas akan terkebelakang sedikit kerana faktor hadangan angin, bukan kerana faktor putaran bumi.

Walaupun permukaan bumi tidak berada dalam keadaan tertutup seperti kereta api, udara di sekeliling kita mempunyai kelajuan yang sama dengan kita disebabkan oleh graviti.

Walaupun perbahasan ini timbul hasil daripada golongan yang menentang sains, sedikit sebanyak dapat memberikan pencerahan dan pengetahuan kepada orang awam tentang kejadian di sekeliling mereka yang selama ini mungkin mereka pernah keliru.

Prestij gamit peminat bola sepak

Piala Sultan dari England

Oleh **AFIX REDZUAN**

Trofi Piala Sultan Selangor (TSSC) cukup istimewa buat peminat bola sepak tanah air. Dibeli sendiri Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 2003, trofi itu dikhaskan untuk pertandingan TSSC.

Melihat kepada hiasan awan larat dan bentuknya seakan-akan trofi Piala Malaysia, terdapat lambang Diraja Selangor beserta nama DYMM Sultan Selangor diukir indah pada badan trofi terbabit. Motif sedemikian pada trofi berwarna perak yang dibeli di England itu sememangnya menggambarkan prestij penganjuran TSSC saban tahun sejak 2001.

TSSC bermula dengan 'The Regent of Selangor's Cup' ketika Baginda menjadi Raja Muda Selangor. Perlawanan yang mengimbau pelbagai nostalgia dua gergasi bola sepak itu ditukar menjadi TSSC apabila Sultan Sharafuddin dimasyhurkan sebagai DYMM Sultan Selangor pada 2003.

Trofi TSSC pada awalnya hanya bersaiz kecil warna perak dan diukir tubuh dua pemain merebut bola. Apabila penganjuran TSSC mendapat sambutan menggalakkan daripada peminat, Sultan Sharafuddin berkenan membeli sendiri piala 'silver sterling' di England untuk dinamakan "The Sultan of Selangor's Cup" manakala piala yang awalnya dijadikan 'The Veteran's Cup'.

Ilham pertandingan bola sepak itu dicetuskan Baginda sebagai mengingati pertembungan 'el clasico' antara Selangor dan Singapura sepanjang sejarah Piala Malaysia.

Pengerusi TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar berkata penganjuran TSSC sentiasa dinantikan peminat bola sepak Selangor.

"TSSC mengingatkan kita kepada pemain-pemain legenda bola sepak negara yang dahulunya telah layak ke Sukan Olimpik pada 1972 dan 1980," kata Abd Karim kepada Selangorkini.

Sultan Sharafuddin berkenan melantik Abd Karim sebagai pengerusi dan pengurus pasukan TSSC mulai 2004 sehingga kini. Mengetuai jawatankuasa penganjur hampir 18 tahun, beliau mengakui bukan mudah untuk memastikan kejayaan kecemerlangan penganjuran TSSC setiap tahun terutama dalam aspek mencari dana dan merancang pelbagai aktiviti yang dapat menarik penonton membanjiri stadium Shah Alam.

"Pada awal penganjuran TSSC tidak ramai peminat bola sepak yang tahu mengenainya, namun dengan pelbagai usaha promosi, nama TSSC mula menarik perhatian peminat khususnya Selangor dan Singapura.

"Pelbagai acara yang dianjurkan setiap tahun, tetapi yang masih segar dalam ingatan ialah persembahan payung terjun, pertunjukan laser, persembahan 'cheerleading', persembahan artis ternama seperti Datuk Jamal Abdillah, Ella, Alleycats dan ramai lagi.

"Kami sentiasa berusaha merancang perkara baru saban tahun agar TSSC sentiasa cemerlang dan ditunggu-tunggu.

"Kami telah mengadakan acara cabutan bertuah yang menawarkan hadiah tiket percutian, motosikal dan kereta. Peminat hanya perlu membeli tiket berharga RM10 untuk layak menyertai cabutan bertuah," katanya.

Jelas Abd Karim, Sultan Sharafuddin sangat teliti mengenai gerak kerja dan perancangan Jawatankuasa TSSC bagi memastikan pertandingan meriah dan memikat hati rakyat.

"Paling penting Tuanku selalu menasihati saya agar memastikan tidak ada perkara yang tidak diingini berlaku yang boleh menjejaskan objektif TSSC untuk mengeratkan hubungan. Oleh itu kami senantiasa memberi fokus kepada aspek keselamatan khususnya pemain dan penyokong kedua-dua pasukan. Kalah atau menang adat permainan, yang penting semangat kesukanan," ujarnya.

Sultan Sharafuddin sangat mementingkan kesihatan rakyatnya, terutama kanak-kanak yang turut ke Stadium Shah Alam bersama keluarga.

Keprihatinan Baginda terhadap rakyat jelas terserlah apabila menitahkan Abd Karim selaku pengerusi TSSC mengumumkan pembatalan perlawanan berikutan keadaan jerebu yang teruk pada 2015. TSSC turut dibatalkan pada 2020 dan 2021 kerana penularan pandemik Covid-19.

Sepanjang TSSC berlangsung, Pilihan Selangor muncul juara sebanyak 10 kali manakala tujuh memihak Pilihan Singapura. Kedua-dua pasukan dinobatkan sebagai Juara Bersama pada 2004 selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2.

Pilihan Selangor turut mencipta sejarah 'hatrik' apabila menang tiga kali berturut-turut pada tahun 2012, 2013 dan 2014.

SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Naeem Raffi
Faridzwan Abdul Ghafar

Penolong pengarang portal:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol

Ketua wartawan:
Afix Redzuan

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Artis grafik kanan:
Azwa Malek

Editorial: **info@mediaselangor.com**
Iklan: **sales@mediaselangor.com**
Pemasaran: **marketing@mediaselangor.com**

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharmaludin@mediaselangor.com

MediaSelangor
Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: **03-5523 4856** Fax: **03-5523 6856**

Hujan emas di Malaysia

Oleh **NAZLI IBRAHIM**

Surat tawaran melanjutkan pengajian usuluddin digenggam kemas di tangannya. Perlahan air mata girang menitis seraya senyuman manis terukir di wajah lelaki Cina Muslim itu.

Lalu diambil ketayap pada ubun-ubun dan beliau mengesat lelehan tangisnya di pipi. Ismail Nuh @ Cui Wei bersama 31 pelajar pendidikan agama Islam di Lanzhou, China terpilih untuk belajar ke Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Terengganu (kini dikenali Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Tidak semena-mena kisah pelayaran hebat Laksamana Cheng Ho ke alam Melayu terus-menerus bermain dalam kotak fikiran. Cukup mengujakan anak muda yang berumur 23 tahun pada masa itu.

Tekad Ismail yang kehilangan bapa pada usia tujuh tahun itu ialah mahu belajar di semenanjung emas dan membaiki kehidupan keluarga. Beliau tidak mahu ibunya berumur 53 tahun menjadi pembantu rumah sampai tua.

Terbang ke Malaysia

Sedar peluang seperti ini tidak datang selalu, pada 1995 beliau meninggalkan kampung halamannya di Lanzhou, wilayah Gansu, China, terbang ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin sebelum menyambung ke peringkat ijazah sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1999.

Kini, Ismail, 52, yang mesra disapa tuan haji sudah 27 tahun menetap di negara ini bersama isteri dan dua anaknya.

Beliau bukan sahaja mampu memberi kehidupan lebih baik buat ibunya yang sudah berusia 80 tahun di kampung halaman, malah semakin sebati dengan cara hidup dan budaya masyarakat Malaysia.

Ismail bersama isterinya juga berasal dari Lanzhou dan dua anak berusia 14 dan 11 tahun yang dilahirkan di Malaysia, merasakan negara ini sebahagian daripada diri mereka.

Menjadikan beliau lebih bersyukur, sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, membuatkan keluarganya dapat hidup tanpa tekanan.

Lain di tempat asalnya. Sebagai kaum minoriti, tekanan sentiasa ada. Kalau hendak maju dalam perniagaan, akidah menjadi taruhan.

Di sana, kalau hendak pergi jauh dalam perniagaan, sedikit sebanyak perlu libatkan diri dengan arak terutama ketika melayani pegawai kerajaan. Kalau tidak susah hendak maju. Itu belum lagi masuk tekanan lain khususnya dalam soal beribadah.

Buka perniagaan

Ismail yang hampir setahun bertugas sebagai pensyarah di sebuah kolej Islam di Petaling Jaya mula berkecimpung dalam perniagaan kain yang diimport dari negara asalnya di Jalan Masjid India pada 2003.

Beliau menggunakan kelebihannya yang mempunyai ramai kenalan di China selain mengambil kesempatan niaga ketika kebanyakan komuniti peniaga di Malaysia belum ramai mengimport produk dari China.

Malah pada masa itu, laman sesawang beli-belah dalam internet juga belum wujud.

Apabila China membuka pasaran, ia mendorong ramai peniaga di Malaysia membawa masuk produk dari negara terbabit sekali gus menyebabkan saingan perniagaan kain semakin sengit.

Sehubungan itu, Ismail beralih dalam perniagaan makanan dengan membuka Restoran Amber yang menyajikan juadah Cina Muslim Lanzhou di Bangsar, Kuala Lumpur pada 2015.

"Kami sajikan makanan asal utara China yang lebih hampir dengan cita rasa Melayu kerana masakan penduduk Lanzhou lebih berempah, pedas dan dimakan panas sebab di sana bentuk muka buminya tinggi dan sejuk.

"Lain pula makanan sebelah selatan, lebih mengutamakan makanan laut dan sup lebih kurang sama macam masakan Cina tempatan di sini. Masing-masing ada keistimewaan tersendiri," katanya kepada Selangorkini di Restoran Amber, Bangsar.

Mi tarik

Berbeza juadah keluarga Melayu tipikal yang lazimnya terdapat ikan atau ayam dalam menu harian, masyarakat Lanzhou pula mengutamakan sayuran berikutan daerah terbabit kaya dengan tanaman sayur ekoran keadaan iklimnya yang sejuk.

Selain sayuran, kambing juga menjadi sajian kegemaran masyarakat di Lanzhou sama ada dihidang dengan sup, dipanggang, dijadikan kebab atau direbus.

Hampir kesemua rempah ratus digunakan dalam masakan di Restoran Amber diimport terus dari China.

Paling istimewa restoran milik Ismail menghidangkan mi tarik Lanzhou yang terkenal dikatakan berasal dari wilayah itu.

Membuat mi tarik bukan mudah kerana memerlukan kemahiran tinggi yang mengambil masa lama sebelum betul-betul menguasainya.

Hidangan kuah mi tarik di restorannya menggunakan daging segar dan 15 rempah yang didatangkan dari Lanzhou.

Maka tidak hairanlah Ismail yang turut mahir membuat mi tarik membawa chef yang didatangkan khas dari wilayah berkenaan.

"Kami buat empat jenis mi tarik. Halus selalunya kegemaran orang muda, yang kasar pilihan orang lebih tua, jenis lebar seperti kuetiau dan satu lagi sedikit kecil saiznya bentuk macam daun kucai. Bukan senang mendapatkan bentuk yang dimahukan," katanya.

Pemimpin HARAPAN diketuai Anwar (dua,kiri) mengadakan pertemuan dengan perdana menteri di Putrajaya pada 5 April. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Pemimpin utama HARAPAN bertemu PM

Sokong akta antilompat parti

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Semua ahli parlimen Pakatan Harapan (HARAPAN) akan menyokong Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan Persekutuan (Anti Lompat Parti) yang dijadual dibentang pada 11 April ini.

Majlis Presiden HARAPAN memberi jaminan itu selepas pemimpin utama parti bertemu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 5 April bagi mendapatkan penjelasan berhubung status pembentangan rang berkenaan.

"Perdana menteri beri komitmen bahawa tidak ada perubahan kepada notis mesyuarat persidangan khas Dewan Rakyat pada 11 April seperti yang diedarkan kepada ahli parlimen," menurut kenyataan bersama pada 5 April.

Kenyataan dibuat Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Parti Amanah Negara Mohamad Sabu, Setiausaha Agung DAP Anthony Loke Siew Fook dan Presiden Upko Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Pada hari terakhir persidangan Dewan Rakyat pada 24 Mac lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar memberitahu pembentangan Rang Undang-Undang Anti Lompat Parti akan diadakan dalam sidang khas Parlimen pada 11 April.

Wan Junaidi berkata perkara itu dipersetujui perdana menteri malah beliau bersetuju untuk melanjutkan persidangan khas terbabit sekiranya tempoh sehari membincangkan rang undang-undang berkenaan tidak mencukupi.

Anwar sahut cabaran debat Najib

SHAH ALAM - Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan kesediaannya untuk berdebat dengan Datuk Seri Najib Razak berhubung isu Sapura Energy Bhd (SEB).

Ia susulan cabaran Najib kepada presiden Parti Keadilan Rakyat itu selepas bekas Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli mengusulkan hasrat itu kepadanya.

Menurutnya, Ahli Parlimen Lembah Pantai Fahmi Fadzil diarah menyelaraskan tarikh program tersebut dengan wakil Najib dan berharap ia disiarkan secara meluas di media.

"Sikap saya jelas dan tidak berganjak sejak lebih 10 tahun lalu di mana saya pernah melontarkan cabaran yang serupa kepada beliau tapi tidak bersahut.

"Beliau kini memilih mencabar saya di awal bulan Ramadan selepas gagal menjawab sanggahan saudara Rafizi Ramli mengenai kemelut 'bail-out' Sapura dalam keadaan rakyat miskin dan peniaga kecil tidak terbela," katanya pada 4 April.

Terdahulu, Najib berkata beliau sedia menyahut cabaran debat Rafizi tetapi perlu disertai Anwar bagi membahaskan isu SEB.

Rafizi membuat cabaran itu selepas Najib menggesa kerajaan menyelamatkan SEB yang mencatatkan kerugian lebih RM8 bilion, selain kewajaran ketua pegawai eksekutifnya yang diberikan gaji yang begitu lumayan.

Guna istilah bahasa Melayu-Nusantara

SHAH ALAM - Usaha Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengangkat bahasa Melayu untuk dijadikan bahasa rasmi kedua blok Asean perlu disambut baik dan disepakati bersama.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) berkata ia sejajar fungsi bahasa Melayu sebagai pengantar utama ketika alam Melayu menjadi pusat peradaban rantau Asia Tenggara suatu ketika dahulu.

Muhammad Faisal Abdul Aziz berkata bahasa yang digunakan adalah 'bahasa Melajoe' yang merujuk bahasa Melayu dalam ejaan pengaruh Belanda dalam persuratan Indonesia sebelum merdeka.

"Penggunaan istilah bahasa Melayu juga sifatnya meluas merentas negara, iaitu digunakan oleh mana-mana rumpun Melayu di mana-mana rantau di dunia ini. Justeru, Abim menegaskan isu bahasa Melayu seharusnya menjadi medan yang menyatukan warga alam Melayu," katanya dalam kenyataan pada 6 April.

Potong gaji pekerja culas bayar nafkah

KUALA LUMPUR - Ketua jabatan bertanggungjawab mengambil tindakan termasuk memotong gaji pekerja jika mereka enggan membayar nafkah.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah berkata langkah itu selaras dengan hasrat kerajaan dalam memelihara kebajikan wanita dan anak-anak yang terkesan dengan masalah penceraian.

"Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing masing, arahan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan," katanya.

Pada 8 Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan meminda Akta Pembiayaan Kewangan yang membolehkan bank membekukan akaun suami atas arahan mahkamah bagi melindungi wanita yang terkesan disebabkan penceraian. – BERNAMA

Borang mohon kerja mesra OKU

KUALA LUMPUR - Presiden Persatuan OKU Sentral Senator Datuk Ras Adiba Radzi memohon badan kerajaan atau swasta menyediakan borang permohonan pekerjaan yang mesra orang kelainan upaya (OKU).

Ras Adiba yang juga Ahli Dewan Negara berkata ini penting bagi memastikan golongan OKU tidak didiskriminasi semasa memohon kerja.

Katanya, kebanyakan majikan menyediakan borang pekerjaan tanpa ruang pilihan kategori OKU seperti diperuntuk oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). – BERNAMA

Had aktiviti luar, banyak minum air

SHAH ALAM - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menasihati orang ramai supaya minum air secukupnya berikutan fenomena gelombang haba.

Menurut agensi berkenaan, gelombang itu berlaku apabila suhu maksimum harian melebihi 37 darjah Celsius untuk tiga hari berturut-turut.

Gelombang haba boleh mengakibatkan jerebu, kemarau dan menjejaskan kesihatan seperti strok haba.

Justeru, orang ramai dinasihatkan minum air secukupnya, mengehad kegiatan luar dan memakai pakaian yang mudah menyerap peluh.

Langgar syarat lesen, kedai makan ditutup

SHAH ALAM - Sebuah premis makanan di kawasan komersial Taman Puchong Utama, Subang Jaya diarah tutup serta-merta semalam akibat melanggar syarat lesen.

Timbalan pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) berkata penilaian pemeriksaan mendapati premis terbabit memperoleh markah bawah 65 iaitu Gred D.

Menurut Azfarizal Abdul Rashid, 11 notis tawaran kompaun turut dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dalam operasi membabitkan 68 premis sekitar kawasan itu.

"Antara kesalahan ialah premis tidak diselenggara dengan baik, pekerja tidak mendapatkan suntikan tifoid dan premis tidak mempunyai tong sampah bertutup.

"Selain itu, kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen, melanggar syarat lesen dan meletakkan barang yang berhubung trednya di tempat awam," katanya pada 1 April.

Roboh struktur binaan haram

SHAH ALAM - Beberapa struktur haram yang dibina atas tanah kerajaan di Taman Perindustrian Pandamaran, Klang diroboh dalam operasi bersepadu pada 30 Mac.

Pegawai daerah Klang berkata perobohan meliputi pagar perimeter, depoh lori, bengkel dan dua tandas yang dibangunkan persatuan kuil serta pengusaha kandang kambing.

Mohd Faizal Abdul Raji menjelaskan sebahagian struktur bengkel dan stor makanan ternakan pula diroboh secara sukarela oleh pemilik.

"Kita terima aduan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berhubung pencerobohan tanah kerajaan di atas rizab sungai dan kawasan lapang di lokasi tersebut.

"Struktur ini menghalang kerja penyelenggaraan sungai oleh JPS. Perobohan dan pembersihan kawasan rizab sungai membolehkan JPS menyelenggara sungai itu," katanya.

Bersih pascabah fasa dua selesai

SHAH ALAM - Operasi pembersihan pascabanjir fasa kedua yang dijalankan KDEB Waste Management (KDEBWM) membabitkan lapan pihak berkuasa tempatan (PBT) selesai sepenuhnya.

Pengarah Urusannya Ramli Mohd Tahir menjelaskan lokasi berkenaan meliputi beberapa kawasan di Klang, Shah Alam, Subang Jaya dan Hulu Langat.

"Dengan selesainya pembersihan fasa kedua ini yang melibatkan pembersihan longkang, jadual kutipan sisa pepejal berjalan seperti biasa," katanya pada 31 Mac.

Operasi pembersihan fasa kedua diselesaikan lebih awal berbanding jadual asal dengan jangkaan semua kerja di kawasan terkesan banjir pada Disember tahun lalu selesai sepenuhnya pada Mei.

Ramli juga menegaskan pihaknya akan terus memberi komitmen dalam mendepani sebarang kemungkinan yang berpotensi berlaku di Selangor.

KDEBWM merupakan syarikat Kerajaan Negeri yang mengurus kutipan sampah domestik giat membersihkan kawasan terjejas banjir mulai 20 Disember secara berperingkat.

Bermula 8 Januari, syarikat itu melaksanakan pembersihan fasa dua yang menumpukan pembasmian kuman dan pembersihan parit tersumbat mengikut keadah teknologi efektif mikrobiologi.

Program kitar semula mulai 1 April

RM22,700 menanti pemenang

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menganjurkan program Kelestarian Alam Sekitar 2022 bagi memupuk amalan kitar semula dalam kalangan masyarakat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata kempen dengan kerjasama Fraser & Naive Holdings Bhd dan Jabatan Pendidikan Selangor berlangsung mulai 1 April sehingga 31 Oktober.

Menurut Shahrin Ahmad, kegiatan yang dijalankan antaranya pertandingan kitar semula yang menawarkan hadiah keseluruhan RM22,700 membabitkan tadika, sekolah rendah dan menengah.

"Turut diadakan pertandingan video kitar semula dan upcycling mural sekolah rendah serta terdapat anugerah khas disediakan MBSA bagi sekolah yang menghantar bahan plastik, aluminium dan tetra-pek terberat.

"Turut diadakan pertandingan kitar semula di Bangunan Wisma MBSA mulai 1 April sehingga 28 Oktober dan peringkat majlis perwakilan penduduk untuk kutipan minyak masak terpakai," katanya.

Pemenang pertandingan kitar semula peringkat tadika akan menerima wang tunai RM500 diikuti tempat kedua (RM400), ketiga (RM300) dan masing-masing keempat serta kelima (RM100).

Bagi sekolah rendah dan menengah tempat pertama RM2,000 diikuti kedua (RM1,700), ketiga (RM1,500), keempat (RM1,200) dan kelima (RM1,000).

Turut ditawarkan hadiah khas bagi pengumpul aluminium dan plastik tertinggi bagi sekolah tadika menerima wang tunai RM200 manakala sekolah rendah dan menengah masing-masing RM700.

Kategori kotak minuman tertinggi peringkat tadika menerima wang tunai RM700 dan sekolah rendah serta menengah masing-masing RM2,100.

PPAS rangkul tiga anugerah

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) mengungguli tiga anugerah sempena Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu Perpustakaan Se-Malaysia Negeri Sembilan.

Perpustakaan negeri melalui kumpulan Easy.Go merangkul juara kategori projek penambahbaikan, anugerah khas juri kumpulan terbaik dan juara persembahan terbaik dengan pembentangan bertajuk perkhidmatan BooksFly2U.

Pengarahnya berkata sebanyak 15 kumpulan perpustakaan awam dan perpustakaan akademik institusi pengajian tinggi awam menyertai konvensyen antara 29 hingga 31 Mac di Hotel Royale Chulan, Seremban.

"Konvensyen ini diadakan sebagai usaha meningkatkan kualiti dan produktiviti jabatan yang dilihat dapat mengubah serta memperkenalkan cara kerja baharu lebih cekap dan berkesan," kata Datin Paduka Mastura Muhamad pada 3 April.

Kemenangan itu melayakkan PPAS membawa pulang wang tunai keseluruhan RM4,500, sijil serta plak yang disampaikan Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Aminuddin Harun.

Padah sambung paip air tanpa kebenaran

SHAH ALAM - Ladang ternakan khinzir di Tanjung Sepat, Kuala Langat diserbu pada 31 Mac selepas didapati membuat penyambungan paip air secara haram.

Menurut Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), sambungan itu dikesan dalam operasi bersepadu dengan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

"SPAN mengeluarkan notis pemberitahuan kesalahan dan tindakan pemotongan bekalan air yang tidak sah juga sudah dilakukan.

"Selain itu, tindakan pengalihan kedudukan meter turut dilaksanakan Air Selangor bagi mengelakkan aktiviti penyambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang ini berulang," menurut SPAN dalam kenyataan pada 1 April.

SPAN juga memaklumkan pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang disyaki membuat sambungan bekalan air yang menyalahi undang-undang.

Kes disiasat mengikut Seksyen 123 (1) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) jika disabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

TERUJA… Pengunjung bergambar di tepi pancuran air berirama di Laman Budaya, Taman Tasik Shah Alam pada 2 April. Pertunjukan Cahaya Ramadan dengan lagu unsur kerohanian diadakan setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad sepanjang bulan puasa. Foto MBSA

Siren berbunyi jika pengunjung sesak

Tingkat kawalan kawasan tumpuan

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

PETALING JAYA - Sistem kawalan orang ramai atau crowd controlled system (CCS) yang diperkenalkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan tumpuan orang ramai.

Malah, sistem yang berfungsi mengira bilangan pengunjung memudahkan petugas ketika mengendalikan bazar Ramadan di Seksyen 4 Kota Damansara di sini, bagi mengawal penularan Covid-19.

Anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) mengakui sistem itu memudahkan tugas mereka kerana tidak perlu lagi mengira jumlah kemasukan pengunjung.

"Sebelum ini kena kira secara 'manual' dan ada kalanya akan berlaku kesilapan tetapi dengan adanya sistem ini lebih mudah sebab jumlah keluar masuk terpapar pada skrin," kata Norazizah Karim pada 4 April.

Menerusi sistem itu, siren akan berbunyi jika bilangan pengunjung melebihi angka tertentu.

Jurutera biomedikal, Muhd Haikal Mohd Khir, 25 berkata kaedah itu memberi keyakinan kepada orang ramai khususnya ketika berada di kawasan tumpuan ramai.

"Rasa lebih yakin dan selamat untuk masuk ke bazar. Walaupun kita dalam fasa endemik tetapi virus itu masih ada dan langkah berjaga-jaga itu perlu," katanya.

Pendapat sama turut disokong juruteknik Muhd Hafizudin Zulkifli, 25, dan mencadangkan pihak lain mencontohi usaha yang dilakukan MBPJ.

"Tempat lain kita tengok ada yang main redah sahaja masuk tetapi di sini terkawal jadi masing-masing lebih selesa," katanya.

Sebelum ini, Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Azhan Md Amir berkata dua lokasi terbabit adalah di bazar Ramadan di SS 6/1, Kelana Jaya dan Seksyen 4 Kota Damansara.

Pelbagai insentif capai bandar pintar

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyahut seruan untuk menjadikan bandar raya ini sebagai bandar pintar sekali gus memacu gagasan Selangor menjadi negeri pintar menjelang 2025.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Zamani Ahmad Mansor berkata pihaknya memperkenal beberapa inisiatif antaranya integrasi sistem perkhidmatan dalam talian MBSA, myMBSA, sistem cukai, lesen, kilang tanpa kebenaran dan pemetaan gis.

"Penggunaan tandatangan digital juga akan diperluas selain memperkenalkan sistem inventori pokok dan aset landskap Shah Alam (ePALSA), sistem pengurusan audit, program pengurusan tenaga dan kualiti udara.

"Selain itu, bagi memastikan agenda Smart Selangor ini dipacu MBSA akan terus mengorak langkah menerokai aspek teknologi kecerdasan buatan, penggunaan dron dan teknologi baharu yang lain," katanya pada 29 Mac.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSA 2021 di sini, yang disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Kebun sayur atas Wisma MBSA

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam memperkenal konsep pertanian bandar atas bumbung atau Laman Hijau@3 bagi mengubah suasana di bumbung Wisma MBSA.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Shahrin Ahmad berkata projek itu hasil dana geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GeRak) Kementerian Alam Sekitar dan Air.

"Pertanian bandar di atas bumbang di podium tingkat 3 Wisma MBSA salah satu inisiatif majlis dalam usaha mengetengah konsep bangunan hijau dan menjadi contoh kepada bangunan lain di dalam kawasan pentadbiran MBSA," katanya pada 4 Mac.

Terdahulu, Laman Hijau@3 dirasmikan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor.

Laman berkenaan menggunakan konsep akuaponik dengan taman herba seperti halia, kunyit, markisa, roselle dan pelbagai sayuran.

JAS kutip hasil RM1.23 juta

SHAH ALAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor mengeluarkan 619 kompaun dalam tempoh suku pertama tahun ini atas pelbagai kesalahan membabitkan kutipan RM1.23 juta.

Pengarahnya, Nor Aziah Jaafar memaklumkan jumlah itu meningkat berbanding tempoh sama tahun sebelumnya iaitu RM362,000 dengan 181 kompaun dikeluarkan.

"Sebanyak 793 premis diperiksa sepanjang suku pertama tahun ini dan 321 notis arahan dikeluarkan selain 15 tindakan mahkamah.

"JAS Selangor sentiasa komited dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas industri-industri tersebut bagi memastikan pematuhan yang tinggi," katanya pada 5 April.

SOP tambahan elak penularan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) menetapkan tatacara operasi piawai (SOP) tambahan melibatkan semua bazar Ramadan sebagai langkah mengelak penularan Covid-19.

Yang Dipertuanya Dato' Amirul Azizan Abdul Rahim berkata penganjur perlu melantik petugas bagi mengawal pengunjung, menyusun peniaga, kaunter masuk dan lalu lintas.

Beliau berkata penggunaan pelitup muka dan cecair pembasmi kuman selain amalan penjarakan satu meter terus dibuat bagi mengelakkan kesesakan pengunjung selain imbasan MySejahtera.

"Peniaga atau pengunjung yang mempunyai gejala demam, batuk dan selsema tidak dibenarkan memasuki tapak bazar," katanya pada 30 Mac.

MBI bantu surau, masjid rosak

KUALA LUMPUR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menerima lebih 100 permohonan bagi membaik pulih surau dan masjid yang terjejas banjir hujung Disember lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Norita Mohd Sidek memaklumkan sebahagian permohonan telah diluluskan dan bantuan sekitar RM3,000 hingga RM5,000 diberi mengikut jenis kerosakan.

"Selepas banjir kita dapat banyak permohonan daripada surau dan masjid bagi membaiki kerosakan dihadapi. Sekarang kita sedang proses permohonan tersebut, malah ada yang sudah terima.

"Kita cuba sedaya upaya untuk membantu dengan membuat pertimbangan sama rata. Pembaikan surau dan masjid penting, tambahan lagi kita menghampiri bulan puasa," katanya pada 31 Mac.

Kuota haji mungkin tidak ditambah

IPOH - Kuota haji untuk rakyat Malaysia berkemungkinan tidak akan ditambah pada tahun ini berikutan kekurangan prasarana, seperti tempat penginapan dan lain-lain keperluan yang dihadapi oleh kerajaan Arab Saudi.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Idris Ahmad berkata perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi, Dr Taufiq Fawzan Al-Rabiah semasa beliau menghadiri Persidangan dan Pameran Haji dan Umrah di Jeddah, Arab Saudi baru-baru ini.

"Sememangnya itu permintaan dan harapan (menambah kuota haji) supaya dapat dipertingkatkan, tetapi mereka juga mempunyai kekangan antaranya masalah penginapan hotel, kerana hotel di sana banyak lagi yang tidak dibuka," katanya pada 30 Mac. – BERNAMA

Jamin bekalan daging cukup

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan daging mencukupi pada Ramadan dan Syawal, kata Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata bekalan daging tidak terjejas walaupun negara perlu bergantung kepada daging import iaitu 70 peratus kerana pengeluaran daging tempatan atau tahap sara diri (SSL) industri itu hanya sekitar 21 peratus.

"Kita banyak mengimport (daging) antaranya dari India, Pakistan, Australia dan setakat ini pengimportannya adalah stabil, tiada gangguan.

"Kita di kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan bekalan daging mencukupi bukan sahaja ketika perayaan tetapi juga bekalan harian," katanya pada 30 Mac. – BERNAMA

Agihan berperingkat mulai 3 April

RM1.2 juta untuk 8,100 anak yatim

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**



SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) mengagih sumbangan Aidilfitri berjumlah RM1.21 juta kepada anak-anak yatim secara berperingkat mulai 3 April.

Pengurus Besarnya Nur Mohd Razali Abdullah menjelaskan seramai 8,100 anak yatim yang berdaftar dengan Yide bakal menerima RM150 setiap seorang.

"Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yide yang sangat prihatin dengan kebajikan golongan itu bersetuju untuk menaikkan RM50 bagi tahun ini berbanding tahun sebelumnya hanya RM100 sahaja untuk seorang," katanya pada 2 April.

Beliau berkata sumbangan itu dikredit kepada 1,140 anak yatim di Hulu Langat, Sepang (402), Petaling (1,322), Kuala Selangor (787), Gombak (1,187), Kuala Langat (564), Sabak Bernam (409), Klang (1,533) dan Hulu Selangor (486).

Nur Mohd Razali menjelaskan wabak Covid-19 yang melanda negara sejak dua tahun lalu menyebabkan ramai anak-anak menjadi yatim piatu.

"Pada 2021, Yide memperuntuk sumbangan kepada 7,420 orang dan tahun ini meningkat 680 menjadikan penerima keseluruhan 8,100," katanya.

Bimbing mualaf di Baitus Salam

KUALA LUMPUR - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melancarkan Modul Bersepadu Baitus Salam bagi memberi panduan kepada pengajar di Baitus Salam untuk menyampaikan ajaran Islam yang lebih komprehensif, khususnya kepada golongan mualaf di pusat perlindungan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Baitus Salam Prof Madya Dato' Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berkata modul bersepadu itu, merangkumi empat aspek iaitu pembangunan ilmu, pengurusan diri, kepimpinan dan kemahiran kerjaya.

"Dengan adanya Modul Bersepadu Baitus Salam ini, dapat melahirkan mualaf yang berkualiti dari aspek pengetahuan, pengalaman mahupun keperibadian mereka itu sendiri, di masa hadapan.

"Kita juga memberi bimbingan fardu ain termasuk ilmu vokasional kepada mualaf demi sosioekonomi yang lebih baik, selain menyusun semula hala tuju mualaf daripada segi emosi dan sosial," katanya yang juga pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Muallaf Majlis Agama Islam Selangor (Mais) pada 30 Mac.

Berucap ketika melancarkan Modul Bersepadu Baitus Salam di sebuah hotel dekat sini, Dr Mohd Farid berkata terdapat 180 guru Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) berlesen di luar Baitus Salam untuk membantu golongan berkenaan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan Islam.

Menjelas lanjut, beliau berkata tujuan utama penubuhan Baitus Salam adalah untuk melindungi mualaf yang disisihkan oleh keluarga dan saudara mara, selepas memeluk Islam.

Baitus Salam mula beroperasi pada Januari 2016 di bawah pengurusan dan pembangunan mualaf Mais, sebelum fungsi dan peranannya dipindahkan ke LZS pada 1 April 2017.

Seramai 244 orang asnaf telah diberi bimbingan fardu ain sejak Baitul Salam ditubuhkan. – BERNAMA

Aplikasi InfaqYide permudah derma

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) membangunkan aplikasi digital bagi memudahkan orang ramai menderma dalam talian.

Pengerusinya Dato' Bakhtiar Hussin berkata pembangunan aplikasi InfaqYide dengan kerjasama ToyyibPay Sdn Bhd selaras perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Katanya, lebih 500 institusi dihimpunkan dalam aplikasi itu antaranya maahad tahfiz, rumah anak yatim, rumah kebajikan, badan bukan kerajaan selain masjid dan surau.

"Banyak aplikasi dibangunkan sebelum ini, namun Yide memberi sedikit kelebihan antaranya agensi dalam aplikasi ini semuanya yang sah dan dipercayai," katanya dalam kenyataan pada 31 Mac.

Bakhtiar juga memaklumkan seramai 8,100 anak yatim berdaftar akan menerima sumbangan Aidilfitri sebanyak RM150 setiap seorang.

Beliau menambah pembiayaan membabitkan dana RM1.25 juta akan dikredit kepada penerima pada 1 Ramadan.

Bengkel dedah pelajar dunia kerja

SHAH ALAM - Penganjuran Bengkel Rantai Nilai Inovasi 2021 (Bernas) membantu Kerajaan Negeri untuk memperkasa pendidikan tinggi di Selangor, kata rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

Prof Madya Dato' Dr Mohd Farid Ravi Abdullah berkata bengkel dengan kerjasama Universiti Selangor (Unisel) turut memperkasa inisiatif lain antaranya Selangor Kerjaya, Selangor Automotif TVET, Rakan Digital Selangor dan Selangor Freelance.

"Saya percaya gandingan mantap kedua-dua IPT ini memberi dampak yang lebih baik di dalam menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri.

"Melalui penglibatan pihak industri sebagai penceramah dan mentor, pelajar berpeluang menimba ilmu dan didedahkan suasana sebenar alam pekerjaan," katanya dalam kenyataan pada 31 Mac.

Dr Mohd Farid menjelaskan seramai 100 pelajar mengambil bahagian dalam talian sekali gus membuktikan kemampuan Kuis menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya.

Bernas 2021 adalah sesi webinar antara 4 Disember 2021 hingga 6 Mac lalu bagi memberi gambaran mengenai kepentingan dan cara membentang idea serta mengasah keupayaan peserta di dalam membentangkan projek mereka.

Mohd Khairuddin (tiga, kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada atlet renang para Selangor di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam pada 1 April. Foto ZAREEF MUZAMMIL

Buru tiga kedudukan teratas

Sasar raih 60 emas di SUKMA XX

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Selangor menyasarkan kedudukan ketiga terbaik dengan meraih sekurang-kurangnya 60 pingat emas dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang dijadual berlangsung antara 29 September hingga 8 Oktober.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman yakin sasaran tersebut mampu dicapai berdasarkan prestasi semasa atlet selain latihan konsisten.

"Jika dahulu kita tetapkan sasaran 80 pingat emas tetapi mungkin sekarang 60. Saya minta Majlis Sukan Negeri (MSN) pastikan Selangor tetap unggul pada kedudukan satu hingga tiga.

"Saya percaya MSN bawah pimpinan Mohamad Nizam Marjugi akan memantau atlet kita agar sentiasa bersedia membawa cabaran dalam temasya itu," katanya pada 1 April.

Terdahulu, beliau menyerahkan penghargaan kepada 23 atlet renang para Selangor dalam majlis di Hotel Mardhiyyah di sini.

Hadir sama, Pengarah MSN Selangor Mohamad Nizam Marjugi, Presiden Majlis Paralimpik Malaysia Dato' Sri Megat D Shariman Zaharudin dan Presiden REPS Muhammad Redzuan Ismail.

Mohd Khairuddin juga menjangka seramai 800 atlet negeri menyertai temasya itu tetapi bilangan rasmi hanya diputuskan MSN Selangor dalam masa terdekat.

Beliau turut menjelaskan Jawatankuasa Teknikal SUKMA belum memuktamad jumlah acara yang bakal dipertanding.

"Belum ada ketetapan berhubung perkara itu (acara) dan masih dalam perbincangan dengan MSN negeri-negeri. Bagaimanapun, kita dengar ada dua atau tiga sukan tidak dipertanding," katanya.

Temasya SUKMA ke-20 yang tertangguh sejak dua tahun lalu berikutan pandemik Covid-19 dijadual berlangsung di Lembah Klang.

Penganjuran edisi yang dikenali 'SUKMA XX, MSN 2022' disokong dan diluluskan mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Februari.

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA turut bersetuju dengan ketetapan mengekalkan peraturan dan syarat had umur yang dipersetujui sebelumnya.

Liga Akar Umbi tumpu lima sukan

SHAH ALAM - Liga Akar Umbi di Selangor dijangka bermula pada Julai depan secara sirkit dengan menyasarkan pelajar berusia bawah 15 tahun.

Pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor berkata lima jenis sukan dalam liga berkenaan ialah sepak takraw, badminton, bola keranjang, bola tampar dan bola jaring.

Menurut Mohamad Nizam Marjugi, penyertaan pelajar dibuat melalui Majlis Sukan Daerah selepas kerajaan membenarkan penganjuran sukan dijalankan di sekolah.

"Bila kita sebut liga akar umbi, ia melibatkan banyak pelajar sekolah. Jadi, kita juga perlu bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor.

"Liga ini mungkin berlangsung secara sirkit bermula Julai diikuti September dan Disember," katanya kepada Selangorkini.

Mohamad Nizam menjelaskan MSN Selangor juga akan memastikan kemudahan sukan sedia ada pada tahap terbaik supaya program berkenaan berjalan lancar.

"Berbaki beberapa bulan lagi sebelum penganjuran, kita akan buat persiapan sebaik-baiknya apatah lagi liga ini masih baharu," katanya.

Belanjawan Selangor 2022 memperuntuk RM1 juta bagi Liga Akar Umbi yang bakal merancakkan pembangunan sukan dalam kalangan belia.

RM15,000 buat renang para

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menghadiahkan RM15,000 kepada Persatuan Renang Para Selangor (REPS) atas kejayaan melahirkan ramai atlet bertaraf antarabangsa dalam sukan itu.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman menjelaskan sumbangan tersebut bagi menyokong persatuan berkenaan untuk terus memainkan peranan dalam mengembangkan bakat atlet.

"Ramai atlet bawah persatuan ini yang merangkul pingat emas dalam kejohanan antarabangsa. Kita bangga dan sentiasa doakan supaya atlet mengharumkan nama Selangor," katanya pada 1 April.

Selangor menyasarkan sembilan pingat emas dari kolam renang pada Sukan Para SUKMA XX, MSN 2022 yang dijadual bermula 29 Oktober hingga 6 November.

Malaysia gagal ke separuh akhir

SHAH ALAM - Impian skuad futsal lelaki kebangsaan mara ke separuh akhir Kejuaraan Futsal Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) 2022 tidak kesampaian selepas tewas 2-4 kepada Thailand pada 6 April.

Malaysia mendahului 2-1 menerusi dua jaringan Farhan Kahirul Anuar selepas Tanapol Maneepetch memecah kebuntuan seawal minit ketujuh permainan.

Bagaimanapun, kealpaan pertahanan akhirnya dihukum dengan tiga jaringan Thailand menerusi Sarawut Phalaphruek pada minit ke-29 dan 34 sebelum Kritsada Wongkaeo mematikan impian Malaysia lima minit kemudian.

Selepas empat perlawanan, Malaysia sekadar mengutip enam mata hasil kemenangan ke atas Kemboja dan Brunei.

Badminton idam satu emas di Hanoi

SHAH ALAM - Skuad badminton kebangsaan hanya menyasarkan memenangi satu emas pada Sukan SEA Hanoi di Vietnam, bulan depan.

Pengurus Pasukan Datuk Misbun Sidek berkata sandaran bagi merealisasikan sasaran berkenaan diletakkan di atas bahu barisan pemain lelaki tidak kira apa acara sekalipun, lapor Berita Harian.

"Saya lihat, ini adalah masanya untuk kita ketengahkan pemain muda seperti Justin Hoh, Siti Nurshuhaini Azman dan Ong Xin Yee agar mereka dapat menimba pengalaman dan menjadi lebih berani. Ini penting supaya pada masa depan ada pemain pelapis yang boleh menggalas cabaran Malaysia," katanya pada 5 April.

Pada edisi 2019 di Manila, skuad badminton negara melakar pencapaian terbaik selepas tempoh 44 tahun apabila membawa pulang tiga emas.

IR IZHAM HASHIM
Pandah Indah

memberi sumbangan komputer riba kepada pelajar di Sungai Ramal, Hulu Langat

HALIMEY ABU BAKAR
Seri Setia

menikmati moreh bersama jemaah Surau Nurhidayah Kampung Lindungan, Petaling Jaya

EDRY FAIZAL EDDY YUSOF
Dusun Tua

bertemu jemaah selepas solat tarawih di Surau Taman Desa Raya, Hulu Langat

SAARI SUNGIB
Hulu Kelang

menghulur bantuan kepada penerima program I-Seed di Kuala Lumpur

ROZANA ZAINAL ABIDIN
Permatang

bergotong-royong masak bubur lambuk di Stesen Trem Chelurut, Kuala Selangor

LIM YI WEI
Kampung Tunku

menyerahkan mesin basuh kepada keluarga B40 di Kampung Baru Sungai Way, Petaling Jaya

FAKHRULRAZI MOKHTAR
Meru

beramah mesra bersama kariah Masjid Al-Falah Kampung Budiman, Klang

SYAMSUL FIRDAUS SUPRI
Taman Medan

menyampaikan bantuan kerusi roda kepada penduduk di Pasar Taman Dato' Harun, Petaling Jaya

Agih lebih 500 baucar Aidilfitri

SHAH ALAM - Sebanyak 550 baucar Jom Shopping sempena Aidilfitri diagih kepada penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Sepat.

Wakil rakyat Borhan Aman Shah berkata pemberian baucar bernilai RM100 itu diutamakan kepada golongan berpendapatan rendah atau belum pernah menerima bantuan berkenaan.

"Sebanyak 500 baucar disediakan Kerajaan Negeri. Dalam masa sama pusat khidmat akan menyediakan 50 baucar tambahan dari peruntukan DUN. Inisiatif ini memberi manfaat kepada lebih ramai penduduk.

"Bantuan ini dapat meringankan beban penerima dalam menyediakan keperluan hari raya. Penerima boleh menebus di Pasaraya Econsave Banting," katanya pada 5 April.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan lebih RM2 juta diagih tahun ini menerusi baucar beli-belah bagi membantu golongan tertentu menyediakan keperluan hari raya.

Skim berkenaan diperkenal Kerajaan Negeri dengan menyasar golongan berpendapatan rendah sebagai inisiatif jangka panjang membela kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

Serahan bantuan dibuat melalui pusat khidmat masyarakat di kawasan masing-masing mengikut komponen utama kaum dan sambutan perayaan.

Wakil rakyat harap pembinaan disegerakan

RM13 juta bina dua masjid baharu

Oleh **AMIN RIDZUAN ISHAK**

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Kota Damansara berharap pembinaan dua masjid dikawasannya dapat dilaksanakan tahun ini seperti yang dijadualkan.

Shatiri Mansor berkata Masjid Kota Damansara 2 dan Masjid Subang Bestari bernilai RM13 juta pastinya menggembirakan penduduk yang sudah lama menanti kemudahan itu.

"Kita akan pastikan pembinaannya bermula tahun ini...sebenarnya kebenaran merancang sudah diperoleh, cuma sebelum ini hanya ada isu membabitkan kewangan sahaja," katanya pada 6 April.

Menurut Shatiri, peruntukan pembinaan Masjid Kota Damansara 2 diluluskan dalam Belanjawan Selangor 2022 manakala pembinaan Masjid Subang Bestari tersenarai dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2022 pada 26 November lalu mengumumkan pembinaan tiga masjid baharu termasuk Masjid Kota Damansara 2.

Shatiri berkata kedua masjid itu dijangka siap dalam tempoh tiga tahun dan pihaknya akan memantau secara dekat pembinaannya untuk memastikan tiada masalah.

RM50,000 komputer riba buat pelajar

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Sungai Ramal membelanjakan lebih RM50,000 bagi menyediakan komputer riba kepada pelajar kurang berkemampuan (B40) sejak September tahun lalu.

Mazwan Johar memaklumkan seramai 31 pelajar sekitar Dewan Undangan Negeri itu menerima sumbangan tersebut, terbaru pada 31 Mac membabitkan enam pelajar institusi pengajian tinggi.

"Program sumbangan komputer riba itu siri keempat sejak dimulakan pada September 2021 dengan kos peruntukan sebanyak RM51,230.

"Bermula siri pertama hingga terakhir, seramai 31 pelajar telah menerima bantuan berkenaan," katanya pada 2 April.

Mazwan berkata bantuan itu bertujuan meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah dan mereka yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Didoakan agar anak-anak ini berjaya dengan cemerlang dalam pembelajaran masing-masing," katanya.

AHLI DEWAN NEGERI BALAKONG

WONG SIEW KI

- **Umur:** 37 tahun
- **Falsafah hidup** Jadikan setiap hari seperti hari terakhir
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Ahli Majlis MBSJ, penggiat filem bebas
- **Alamat pejabat ADN:** 1-12A, Jalan Kasturi 1, Taman Kasturi, Off Jalan Balakong, 43200 Batu 11 Cheras
- **Nombor telefon ADN:** 03-9076 0331
- **Facebook:** Wong Siew Ki
- **E-mel:** dapn27balakong@gmail.com

Pasang tembok kawasan setinggan

SHAH ALAM - Satu tembok sepanjang 180 meter dipasang bagi memisahkan kawasan setinggan dan perumahan teres di Pandan Jaya, Ampang.

Ahli Dewan Negeri Pandan Indah berkata usaha berkenaan langkah permulaan bagi mengurangkan aktiviti yang mengganggu penduduk setempat selama puluhan tahun.

"Banyak kali dalam pertemuan bersama penduduk setinggan Pandan Jaya, saya beritahu bahawa kawasan ini tidak sesuai untuk didiami kerana berada di kawasan rintis Tenaga Nasional Berhad.

"Insya-Allah, perancangan pemindahan penduduk setinggan ini akan dilakukan selepas segala proses selesai," kata Ir Izham Hashim pada 1 April.

Baik pulih bumbung pangsapuri siap Mei

SHAH ALAM - Kerosakan bumbung dan sistem saliran di Blok 48, pangsapuri kos rendah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 7 di sini yang giat dibaik pulih Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dijangka siap bulan depan.

Berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang membantu menyelesaikan masalah berkenaan, Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Anggerik berkata beliau kerap meninjau perkembangan sejak lebih setahun lalu.

Najwan Halimi menjelaskan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari turut turun melawat ke lokasi berkenaan pada 14 Mac tahun lalu.

"Kini kerja-kerja pembaikan telah dimulakan oleh MBSA dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei ini," kata Najwan.

Amirudin sebelum ini memberi jaminan masalah bumbung rosak sebahagian 58 blok pangsapuri berkenaan akan diteliti MBSA termasuk menukarnya jika perlu.

Beliau menganggar anggaran kos untuk satu blok melebihi RM200,000.

Tukar minyak hitam percuma

SABAK BERNAM - Lebih 100 penduduk menyertai program Tukar Minyak Hitam Percuma anjuran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Parit 9 Gambut, di sini pada 2 April.

Ahli Dewan Negeri Sekinchan, Ng Suee Lim berkata program itu membantu penduduk kampung seperti petani dan penternak yang kerap menggunakan motosikal ke tempat kerja.

"Kita guna minyak Shell, orang kampung hanya bawa motor mereka dan kita tukarkan di tempat yang sama.

"Saya yakin program sebegini dapat eratkan lagi hubungan antara pemimpin kampung dan penduduk, sekali gus memudahkan penganjuran program lain di masa akan datang," katanya kepada Selangorkini.

Anwar sahut cabaran debat Najib isu Sapura 17

Aidilfitri: RM1.2 juta bantu 8,100 anak yatim 20

selangorkini

Imbas di sini

Belanjawan Selangor 2022

Seldec potong harga setiap Rabu

SHAH ALAM - Rantaian e-Bekalan Digital Selangor (Seldec) menawarkan potongan harga RM5 dan penghantaran percuma bagi pembelian buah-buahan terpilih setiap Rabu.

Seldec memaklumkan antara yang ditawarkan tembikai, epal hijau, mangga harum manis, buah naga, tembikai susu, nanas, limau bali dan kedondong.

"Potongan harga RM5 jika anda membeli buah-buahan sehingga RM50 ke atas dan penghantaran terus secara percuma ke rumah apabila anda berbelanja sebanyak RM75 ke atas.

"Pastikan anda masukkan promokod PASAR5 sebelum daftar keluar. Jom membeli-belah di www.seldec.com.my sekarang dan tebus promo kod itu sebelum jam 6 petang hari ini," katanya pada 6 April.

Bagi pelanggan yang membeli barangan pada harga bawah RM75, mereka hanya perlu membayar kos penghantaran RM4.56.

Selangor FC kutip satu mata di Paroi

SHAH ALAM - Selangor FC mengutip satu mata berharga selepas terikat 2-2 dalam aksi Liga Super di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi pada 5 April.

Sekalipun beraksi dengan 10 pemain selepas Yazan Mousa Mahmoud dilayangkan kad merah pada minit ke-22 kerana mengasari Matheus Alves, skuad bimbingan Michael Feichtenbeiner kekal bertahan sehingga tamat perlawanan.

Gol Red Giants dijaringkan sendiri pemain pertahanan Negeri Sembilan, Nasrullah Hanif Johan pada minit ke-34 sebelum De Sauza Ferreeira menggandakan jaringan 2-0 pada awal babak kedua.

Bagaimanapun Selangor gagal mempertahankan kelebihan jaringan berkenaan apabila tuan rumah bangkit mengikat jaringan menerusi gol pada minit ke-57 dan 75.

CERIA... EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah (kiri) bersama Azlee Senario, Raja Azura dan Bell Ngasri menjayakan rakaman sketsa Senandung Aidilfitri di Shah Alam pada 31 Mac. Foto REMY ARIFIN

▶ BERITA MUKA 3

Hibur pengunjung Laman Budaya

Pancuran air dengan lagu ketuhanan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Pancuran air berirama di Laman Budaya dibuka kepada orang ramai pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad sepanjang Ramadan hingga 1 Mei.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berkata pertunjukan pancuran air berirama Cahaya Ramadan terbahagi kepada dua sesi iaitu 10 hingga 10.30 malam dan 10.45 hingga 11.15 malam.

"Persembahan pancuran air berirama memainkan lagu-lagu berbentuk kerohanian dan ketuhanan sepanjang Ramadan.

"Selain itu, anggota pasukan renjer taman bertugas sepanjang persembahan Cahaya Ramadan," kata Shahrin Ahmad pada 4 April.

Menurut beliau, MBSA sentiasa mengalu-alukan pengunjung ke persembahan tersebut dengan mematuhi tatacara operasi piawai (SOP).

Pancuran air berirama di Taman Tasik Shah Alam antara daya tarikan terbaharu di bandar Shah Alam sejak tahun lalu.

Persembahan pancuran air setinggi 40 meter itu dilengkapi dengan sistem diod pemancar cahaya (LED) dan audio.

pancawarna

Bekas vokalis Raihan nyanyi di pasar malam

Nazrey gigih sebar Islam di Sabah, kumpul dana bina maahad tahfiz

9&10

Al-Ghazali rayu perompak pulangkan buku

Tiga buku imam tersohor telah diterjemah ke bahasa Melayu

11

Sultan Selangor beli trofi di England

Reka bentuk mirip Piala Malaysia, angkat prestij Piala Sultan Selangor

15

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn. Bhd** Lot 2, Jalan Sepana 15/3, off Pesiaran Selangor Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor